

## BAB DUA

### PENGENALAN IMAM AL-NAAWAII: DAN KITAB *RIYA:d AL-SA:LIHI:N*

#### 2.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang Imam al-Nawawi: dan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* secara mendalam. Ia bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat kedudukan kitab tersebut berasaskan biodata penulisnya, latarbelakang kitab merangkumi objektif, metodologi penulisan dan pengambilan hadis serta kandungannya. Selain itu, bab ini juga mendedahkan sambutan para ulama dahulu dan sekarang terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Perbincangan bab ini diharap menjadi asas yang kuat kepada kajian ini yang berpaksikan kepada kajian teks dan dilengkapi dengan kajian lapangan.

##### 2.0.1 PENGENALAN RINGKAS TENTANG IMAM AL-NAAWAII:

Pada abad ke 7H lahirlah Imam al-Nawawi:, seorang tokoh pendidikan pembangunan insan yang tersohor. Melalui karyanya kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, beliau berjaya menyampaikan secara terperinci aspek-aspek pendidikan pembangunan insan dengan penggunaan teknik penyampaian yang baik sehingga kitab tersebut diakui mampu dijadikan asas bagi membentuk insan yang salih. Dua aspek utama yang menjadi asas kejayaan pendidikan pembangunan insan Imam al-Nawawi: ialah metodologi yang betul untuk mendidik manusia serta isi kurikulum pembangunan yang lengkap.<sup>6</sup> Ia merupakan sebaik-baik kitab yang amat diperlukan oleh setiap individu muslim di setiap rumah yang mempunyai cahaya iman.<sup>7</sup> Di Malaysia khasnya dan Nusantara amnya kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dijadikan sebagai teks pengajian agama di surau-surau atau di masjid-masjid. Selain dari itu ia juga dijadikan sebagai rujukan penting untuk syarahan-

<sup>6</sup> Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), “Metodologi Pendidikan Pembangunan Insan : Satu Kajian Khas *Kita:b Riya:d al- Sa:lihi:n*” (Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam Siri 3, Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia), h.1.

<sup>7</sup> Muhyi: al-Di:n 'Abu Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1999), *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n, Taqri:z wa Taqdi:m Wahbat al-Zuhayli:, Tahqi:q, Takhri:j wa Ta'li:q 'Aha:di:thuha: ^Ali: ^Abd al-Hami:d 'Abu: al-Khayr, c.2. Damsyik-Beirut : Dar al-Khayr, h. .*

syarahan agama dan ceramah-ceramah agama. Justeru ia mendapat sambutan yang hangat di kalangan masyarakat setempat dan umat Islam di Nusantara, maka ia telah di terjemahkan kepada bahasa Melayu dalam beberapa versi.

Imam al-Nawawi: hidup di akhir pemerintahan kerajaan Ayyubiyah (564H-648H) dan sezaman dengan pemerintahan al-Malik al-Zahir Baybars (658H-676H) dari kerajaan Mameluk (648H-923H) yang mengambil alih tampuk pemerintahan dari kerajaan Ayyubiyah. Negara Islam pada waktu ini berhadapan dengan dua kuasa besar, iaitu golongan Salib dan Tartar yang telah berjaya menjatuhkan kerajaan Abbasiyah pada tahun 650H.<sup>8</sup>

#### **2.0.2 PERKEMBANGAN POLITIK PADA ZAMAN IMAM AL-NAWAWI:**

Dunia Islam, khususnya Syam dan Iraq merupakan pentas utama bagi peristiwa-peristiwa penting sejak dari abad-abad permulaan. Kedua-dua wilayah tersebut sentiasa menghadapi pergolakan politik yang memberi kesan positif dan negatif terhadap perkembangan sosiobudaya dan ilmu. Setelah kerajaan Abbasiyah mula menghadapi zaman kelelahannya pada permulaan zaman *al-Abba:siyy al-Tha:ni:* tahun 232H maka musuh-musuh Islam cuba membina pakatan jahat mereka bagi menghancurkan syariat Islam dan penganut-penganutnya.<sup>9</sup>

Pada tahun 490H terlaksanalah hasrat mereka apabila tentera-tentera Salib telah melancarkan serangan ke atas Negara Islam di bawah kerajaan Saljuq dan menduduki sebahagian besar bandar-bandar Syam seperti 'Anta:qiyat, al-Mu'irrat, Baitulmaqdis, Beirut dan Sayda. Keadaan ini berterusan sehingga lahir pemimpin-pemimpin yang ikhlas dan tentera-tentera yang setia dan jujur terhadap Islam dan umatnya. Pada

---

<sup>8</sup> Abd al-Ghani: al-Daqr (1987), *Al-'Imam al-Nawawi:*, c.3. Beirut : Dar al-Qalam, h.11.

<sup>9</sup> Al-Haddad (1992), *op.cit*, h.12.

permulaannya lahirlah <sup>c</sup>Ima:d al-Di:n Zanki: seorang berketurunan Atabik. Beliau telah menyatukan Negara Islam di bawah pemerintahannya dan menghalau tentera-tentera Salib dari sebahagian besar bumi Islam yang dijajah sehingga beliau gugur syahid pada tahun 541H. Perjuangan beliau telah disambung oleh anaknya Nu:r al-Di:n al-Zanki:. Beliau telah mencapai kemenangan yang besar dan meneguhkan kesatuan umat Islam seterusnya bersiap sedia mempertahankan serangan tentera-tentera Salib yang kedua pada tahun 542H. Antara kejayaan beliau juga ialah memasukkan Mesir ke dalam wilayahnya. Keadaan ini menjadikan Negara Islam bertambah kuat. Beliau telah memerangi tentera-tentera Salib beberapa kali sehingga beliau wafat pada tahun 569H. Jejak beliau telah disambung oleh anaknya Sala:h al-Di:n al-'Ayyu:biyy yang merupakan tamparan hebat kepada tentera-tentera Salib terutamanya pada peperangan Hitti:n tahun 583H berikutnya beberapa pembukaan yang membawa kepada pembebasan Baitulmaqdis pada tahun 583H. Keadaan ini berterusan sehingga beliau wafat pada tahun 589H.<sup>10</sup>

Selepas kemangkatan beliau umat Islam hampir kembali ke zaman perpecahan dan pertelingkahan kerana perselisihan tentang warisan takhtanya. Keadaan ini diselamatkan Allah SWT dengan menyatukan umat Islam di bawah pimpinan Sultan Sayf al-Di:n adik kepada Sala:h al-Di:n al-'Ayyu:biyy. Beliau telah berjaya menangkis serangan tentera-tentera Salib kali yang kelima tahun 604H dan meneruskan jihad sehingga beliau mangkat pada tahun 615H. Setahun kemudian, iaitu pada tahun 616H pihak tentera Salib berjaya menawan Mesir, seterusnya mereka menguasai Dimya:t. Dalam serangan kali ini telah berlaku pembunuhan kejam dan dahsyat. Pada tahun 618H Sultan al-Ka:mil bin Sultan Sayf al-Di:n telah bangkit menentang pakatan jahat pihak musuh dan berjaya mengalahkan mereka. Keadaan ini malangnya tidak berpanjangan apabila

---

<sup>10</sup> *Ibid*, h.13.

berlaku perselisihan pendapat dan semangat perkauman di negara-negara kecil yang menyebabkan umat Islam lemah, seterusnya pihak *kuffa:r* telah mendapat kembali Baitulmaqdis dari kekuasaan umat Islam, iaitu pada tahun 626H. Lebih kurang 13 tahun kemudian, iaitu pada tahun 637H Sultan Najm al-Di:n 'Ayyu:b telah menaiki takhta kerajaan. Beliau telah mengembalikan Baitulmaqdis ke tangan umat Islam dan mengalahkan pihak musuh dengan dahsyat pada tahun 647H. Walau bagaimanapun, beliau telah mangkat pada tahun yang sama. Dengan kemangkatan beliau maka berakhirlah kerajaan Ayyubiyah dan bermulalah kerajaan Mameluk (648 – 923H).<sup>11</sup>

Kerajaan Mameluk telah berhadapan dengan ancaman dari orang-orang Majusi dan Kristian. Bagaimanapun Allah s.w.t telah selamatkan negara Islam pada waktu itu daripada penaklukan pihak musuh. Selain dari ancaman tersebut kerajaan Mameluk juga berhadapan dengan musuh yang paling ganas dalam sejarah Islam bahkan sejarah manusia sejagat, iaitu tentera-tentera Monggolia.<sup>12</sup>

Tentera-tentera Monggolia telah menakluki kerajaan Abbasiyah dan menguasai kota Baghdad pada tahun 656H, seterusnya mencabul kota tersebut dengan dahsyat. Nasib yang sama telah menimpa kota Halab dan Damsyik. Seterusnya tentera-tentera Monggolia ingin menguasai Mesir. Cita-cita mereka itu terkubur setalah dikalahkan oleh Sultan al-Muzaffar Qatz bin 'Abd 'Allah al-Mu'zi: dan panglima perangnya al-Za:hir Baybars<sup>13</sup> al-Bunduqda:ri: pada tahun 658H pada peperangan *'Ayn Ja:lu:t*. Kemenangan ini tidak memberi keselesaan yang lama kepada Sultan al-Muzaffar Qatz apabila beliau gagal melaksanakan janjinya terhadap Panglima perangnya al- Za:hir

11 *Ibid*, h.13.

<sup>12</sup> *Ibid*, h.13-14.

<sup>13</sup> Terdapat ulama meletakkan *kasrat* pada huruf Ba' yang pertama pada kalimah (بَرْس). Selain dari itu Badr al-Din al-Ayni dalam bukunya *Al-Rawd al-Za:hir Fi: Si:rat al-Malik al-Za:hir* meletakkan *fatha*t pada huruf tersebut. Lihat Khay al-Din al-Zirikli:((1986), *Al-'A'la:m* , j.7, c.7. Beirut : Da:r al-'Ilm Li al-Mala:yi:n, h. 255 dan h. 2/79.

Baybars al-Bunduqda:ri: dalam peperangan Halab. Akibat dari itu al-Zahir Baybars telah mengambil alih tampuk pemerintahan. Bagi meneguhkan kedaulatan pemerintahannya, beliau telah menghidupkan pemerintahan Abbasiyah dengan mengangkat sumpah terhadap Imam al-Mustansir Billah 'Ahmad bin al-'Imam al-Zahir Billah Muhammad bin al-'Imam al-Nasir. Beliau telah melaksanakan tanggungjawab dan amanah terhadap umat Islam dengan baik. Pada zaman pemerintahannya beliau telah mencapai beberapa kemenangan yang besar dan membebaskan banyak kawasan orang-orang Islam yang dijajah oleh pihak musuh. Beliau mangkat pada tahun 676H.<sup>14</sup>

Selepas kemangkatan beliau pihak musuh tidak mempunyai peluang untuk bangkit semula kerana perjuangannya telah disambung oleh Sultan al-Mansur Sayf al-Din Qala:wu:n al-'Alfi: yang memerintah pada zaman Salim bin al-Zahir. Seterusnya beliau telah mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 678H. Beliau telah membebaskan negara-negara Islam dari cengkaman musuh dan menamatkan serangan tentera-tentera Mongolia dan Salib sehingga beliau mangkat pada tahun 689H. Perjuangan beliau telah disambung oleh anaknya al-Ashraf Khalil. Beliau telah berjaya menghalau sakibaki tentera-tentera Salib dari Syam.<sup>15</sup>

Demikianlah perkembangan dan pergolakan politik yang melanda umat Islam sejak dari zaman kelemahan pemerintahan Abbasiyah pada permulaan zamannya yang kedua sehingga ke abad 7H. Rentetan sejarah ini membayangkan bagaimana situasi politik pada zaman Imam al-Nawawi: secara jelas. Beliau hidup pada penghujung zaman kerajaan Ayyubiyah dan permulaan zaman kerajaan Mameluk yang menyaksikan pertembungan di antara Islam, Kristian dan Tartar. Daripada rentetan sejarah yang

---

<sup>14</sup> *Ibid*, h.14.

<sup>15</sup> *Ibid*, h.14-15.

tersebut di atas juga dapat disimpulkan bahawa Imam al-Nawawi: hidup pada zaman yang penuh dengan pergolakan politik. Beliau mengharungi zaman kekalahan umat Islam dan zaman kemenangannya. Zaman kekalahan umat Islam merupakan sebahagian daripada zaman pemerintahan Sultan al-Kamil bin Sultan Sayf al-Di:n di mana Baitulmuqaddis telah jatuh ke tangan pihak musuh dan zaman kemenangan pula ialah zaman Sultan Najm al-Di:n 'Ayyu:b yang berjaya merampas kembali Baitulmaqdis dari pihak musuh. Selain dari itu zaman kekalahan umat Islam pada era pemerintahan kerajaan al-Mama:lik pula ialah zaman kejatuhan kerajaan -Abbasiyah dan Baghdad ke tangan tentera-tentera Monggolia dan zaman kemenangan umat Islam pada era tersebut ialah zaman kejayaan kerajaan Mameluk mengalahkan pihak Monggolia dan menghalau tentera-tentera Salib dari negara-negara Islam.

Negara Syam khususnya Damsyik pada masa Imam al-Nawawi: telah menikmati ketenteraman dan keamanan walaupun dalam keadaan berhati-hati terhadap dua kuasa besar tersebut. Zaman Imam al-Nawawi: boleh disifatkan sebagai zaman yang paling tenteram dan penuh dengan keberkatan dan keamanan bagi Negara Syam kecuali sedikit pergolakan akibat ancaman dua kuasa besar tersebut.<sup>16</sup>

### **2.0.3 PERKEMBANGAN ILMU PADA ZAMAN IMAM AL-NAWAWI:**

Damsyik sebuah kota yang telah lama terkenal dalam sejarah umat manusia dan telah memain peranan penting dalam sejarah perkembangan intelektual manusia. Kota ini telah mencapai keagungan dan kegemilangan di mana ia menjadi pusat pemerintahan pada zaman kerajaan Bani Umayyah dan menjadi pusat peradaban dan ilmu pengetahuan yang menjadi tumpuan pencinta ilmu dan para sarjana.

---

<sup>16</sup> Mohd.Muhiden Abdul Rahman (1993), "Imam al-Nawawi: Dan Sumbangannya kepada Hadis : Satu Kajian Mengenai Bab Al-Tib Wa al-Marad Wa al-Ruqa: Menerusi Kitabnya Sharh Sahih Muslim" (Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.2.

Pada masa tersebut majilis-majlis ilmu dan tempat-tempat pengajian telah diadakan di sekitar kota Damsyik. Halakah-halakah ilmu diadakan di masjid-masjid di merata tempat. Selain dari itu, sistem pegajian mencakupi peringkat rendah, menengah dan universiti, bahkan terdapat pengajian di peringkat pengkhususan.<sup>17</sup> Antara institusi pengajian yang terkenal pada masa itu ialah *Da:r al-Hadi:th*. Ia dibuka secara rasmi pada pertengahan bulan Syaaban tahun 630H. Antara ulama yang terlibat dalam pengajaran pada peringkat awal di *Da:r al-Hadi:th* ialah Imam Taqiy al-Din yang terkenal dengan panggilan 'Ibn Sala:h. Hasil bimbingan beliau lahirlah sarjana-sarjana Islam terkenal, antaranya : 'Ibn Razi:n, 'Ibn Khallika:n, al-Kama:l Salamat, al-Kama:l 'Isha:q al-Maghribi:, 'Abd Rahman bin Nu:h al-Maqdisi:, 'Abu: Sha:mat dan lain-lain lagi. Tokoh-tokoh ini kemudiannya menjadi guru kepada Imam al-Nawawi:<sup>18</sup>

Pergolakan politik dan peperangan tidak menghalang perkembangan ilmu pada abad ke 7H, malah dikatakan abad ini merupakan zaman yang paling pesat dengan perkembangan ilmu. Di Damsyik sahaja telah lahir sebanyak 130 buah sekolah, 16 buah *Da:r al-Hadi:th*, tujuh buah *Da:r al-Qur'a:n* dan tiga buah sekolah perubatan di samping halakah-halakah ilmu yang diadakan secara tersusun dan teratur. Negara-negara Islam khususnya Syam telah diperintah oleh para pemimpin yang ikhlas dan jujur bermula dari pemerintahan Nu:r al-Din al-Zanki: (m.569H) dan berakhir pada pemerintahan Sultan al-Mansu:r Sayf al-Din Qala:wu:n al-'Alfi: (m.689H). Nur al-Din al-Zanki: telah berusaha bersungguh-sungguh membangunkan pendidikan di Negara Syam. Beliau telah mendirikan *Da:r al-Hadi:th* yang pertama dan membantu banyak sekolah-sekolah di Damsyik, Halab dan kawasan-kawasan lain. Usaha beliau telah diikuti oleh para pemimpin berikutnya dari kerajaan Ayyubiyah dan kerajaan Mameluk.

---

<sup>17</sup> c Ali: al-Tanta:wi: (1979). *Al-'Imam al-Nawawi*, Damsyik : Dar al-Fikr. h. 9-10.

<sup>18</sup> *Ibid*, h. 10-11.

Justeru itu, perkembangan ilmu pada abad ini telah mencapai puncak keagungan dan kegemilangan.<sup>19</sup>

Pada abad ke 7H dan ke 8H telah lahir ilmuwan-ilmuwan Islam yang mantap dalam pelbagai bidang. Mereka telah menghasilkan penulisan-penulisan yang amat berharga.

Kehadiran mereka merupakan kayu ukur kepada perkembangan ilmu pada zaman tersebut. Antara ilmuwan Islam yang muncul pada abad ke 7H ialah:

(1) Dalam bidang ilmu-ilmu agama :

1. 'Ibn al-Sala:h, 'A<sup>c</sup>la:m al-Muhaddithi:n.
2. Al-Ra:fī'i:, salah seorang ulama Fiqah mazhab Shafii yang agung di Qazwayn.
3. Imam al-Nawawi: seorang ulama Fiqah mazhab Shafii yang agung di Syam dan 'A<sup>c</sup>la:m al-Muhaddithi:n.
4. 'Isma:<sup>c</sup>i:l<sup>c</sup>Abd al-Kari:m Sheikh Mazhab Hanafi pada zamannya.
5. <sup>c</sup>Abd al-Rahma:n bin Muhammad bin <sup>c</sup>Asa:kir salah seorang ulama Fiqah.
6. <sup>c</sup>Abd al-Kari:m 'Ibn al-Harista:ni:, khatib Damsyik.
7. Al-Firkah al-Faza:ri: guru kepada Imam al-Nawawi:.

(2) Dalam bidang bahasa Arab :

1. 'Ibn Ya*c*i:sh, penyunting kitab *al-Mufassal* karangan al-Zamakhshari:.
2. Al-Shaykh 'Ibn Ma:lik.
3. 'Ibn al-Qafati:, salah seorang ulama terkenal dalam pelbagai bidang pada abad ini. Beliau menguasai bahasa, nahu, fiqah, hadis, <sup>c</sup>ulu:m al-Qur'a:n, 'usu:l, mantiq, al-nuju:m, kejuruteraan dan sejarah.

(3) Dalam bidang Sejarah dan *al-Tara:jum* :

1. 'Ibn al-<sup>c</sup>Adi:m, penulis sejarah Halab.

---

<sup>19</sup> Al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h. 15.

2. 'Ibn Khallika:n, kadi dan penulis kitab *Wafaya:t al-'A<sup>c</sup>ya:n*.
3. Ya:ku:t al-Hamawi: al-Ru:mi:. Beliau merupakan ahli geografi, sejarawan, pengembara dan penulis *Mu<sup>c</sup>jam al-Bulda:n* dan *Mu<sup>c</sup>jam al-'Udaba:'*.
4. 'Abu: Sha:mat penulis kitab *al-Rawdatayn*.

(4) Dalam bidang Kejuruteraan :

1. 'Ibra:hi:m bin Ghana:'im. Beliau telah membina Sekolah al-Za:hiriyyat al-Jawa:nibiyyat .
2. Najm al-Di:n Yahya: bin al-Labu:di:, penulis kitab *Dar al-Hindasat*. Beliau pakar dalam bidang *al-hikmat*, kejuruteraan dan matematik.
3. 'Ibn 'Abi: 'Usayba<sup>c</sup>at al-Demashqi:, doktor perubatan dan sasterawan.
4. <sup>c</sup>Abd al-Mun<sup>c</sup>im al-Jalya:ni. Beliau bergelar *haki:m al-zama:n* dan <sup>c</sup>alla:mat<sub>fi:</sub> *al-tib wa al-kahl wa al-'adab*.
5. Sayf al-Di:n <sup>c</sup>Ali: al-Tha<sup>c</sup>labi: Al-'A:midi:. Beliau amat pakar dalam bidang *al-hikmat*.
6. Shams al-Di:n al-Khuwayni:, pakar dalam bidang *al-hikmat*, syarak dan perubatan.
7. Badr al-Di:n 'Ibn Qa:di: Ba<sup>c</sup>labak, pakar perubatan.

(5) Dalam bidang *al-Tasawwuf* :

1. Muhyi: al-Di:n 'Ibn al-<sup>c</sup>Arabi: al-'Andalu:si:, penulis kitab *al-Futu:ha:t al-Makkiyyat* dan kitab *al-Fusus*.

Semua ilmuwan yang telah disenaraikan di atas merupakan ilmuwan yang pakar dalam pelbagai bidang. Namun nama mereka disenaraikan mengikut kemasyhoran mereka dalam bidang berkenaan. Di sini dapat disimpulkan bahawa abad ke 7H sekalipun tidak dapat dianggap sebagai zaman *al-Ibda:<sup>c</sup>*, namun ia merupakan zaman berlakunya pemindahan ilmu secara adil dan saksama dan himpunan ilmu secara cermat. Di

samping itu pada zaman ini juga berlaku taklid berasaskan ilmu dan hujjah, seterusnya berlaku tahkik, *tahri:r*, tashih, *tahdhi:b* bahkan kadangkala berlaku *'ijtiha:d muqayyad* secara bebas.<sup>20</sup>

## 2.1 BIOGRAFI IMAM AL-NAWAWI:

### 2.1.1 Nama dan Salasilah Keturunan Imam al-Nawawi:

Beliau ialah al-Shaykh al-Imam al-<sup>c</sup>Alla:mat Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: bin Sharaf bin Muri: bin Hasan bin Husain bin Hazam bin Muhammad bin Jumcat al-Nawawi: al-Sha:fici:.<sup>21</sup> Gelarannya 'Abu: Zakariyya:.<sup>22</sup> Mengikut tradisi masyarakat Arab sesiapa yang bernama Yahya: akan dipanggil 'Abu: Zakariyya: dirujuk kepada Nabi Allah Yahya: a.s. dan ayahnya Zakariyya:. Demikian juga dipanggil Abu Yacqu:b kepada sesiapa yang bernama Yu:suf.<sup>23</sup> Selain dari itu panggilan tersebut juga tidak berasaskan kedudukan beliau sebagai seorang ayah sebagaimana kebiasaan. Namun beliau dipanggil dengan gelaran ayah (abu) semenjak kecil dengan harapan beliau akan mempunyai umur yang panjang dan dikurniakan anak.<sup>24</sup> Beliau terkenal dengan panggilan al-Nawawi: atau al-Nawa:wi: dinisbahkan kepada kampung tempat kelahirannya, iaitu Nawa. Beliau menulis nisbahnya tanpa mad, iaitu al-Nawawi: bukan al-Nawa:wi:.<sup>25</sup> Gelaran beliau ialah Muhyi: al-Di:n. Beliau tidak suka dengan panggilan tersebut kerana merendah diri kepada Allah SWT dan beranggapan bahawa agama itu sentiasa hidup tanpa memerlukan orang yang menghidupkannya.<sup>26</sup> Adapun nisbahnya kepada datuknya al-Hiza:mi:, beliau menafikan pertalian nisbah tersebut dengan sahabat Rasulullah s.a.w. yang bernama Ha:kim bin Hiza:m bin Khuwaylid bin 'Asad yang

<sup>20</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.12-14.

<sup>21</sup> Muhammad bin <sup>c</sup>Alla:n al-Sa:diqi: (t.t), *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*. Beirut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyat, h.6.

<sup>22</sup> *Wiza:rat al-'Awqa:f Wa al-Shu'u:n al-'Isla:miyyat* (1993), *Al-Mawsu: 'at al-Fiqhiyyat*, j.1, c.4. Kuwait, h.373.

<sup>23</sup> Muhammad bin 'Ahmad bin <sup>c</sup>Abd al-Ba:ri: al-'Ahdal(1359H), *Al-Kawa:kib al-Durriyyat* <sup>c</sup>Ala: al-Mutammimat al-'Ajru:miyyat, j.1. Mesir : Mustafa: al-Ba:bi al-Halabi:, h.59.

<sup>24</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.17.

<sup>25</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.17.

<sup>26</sup> *Ibid*, h.19.

merupakan anak saudara 'Umm al-Mu'mini:n Khadi:jat, pemimpin Quraysh pada zaman Jahiliah dan Islam. Beliau meninggal dunia pada tahun 54H.<sup>27</sup> Daripada pengenalan di atas dapat disimpulkan bahawa nama Imam al-Nawawi: ialah Yahya: dan nasabnya yang teratas ialah datuknya Hiza:m.<sup>28</sup>

Ahli sejarah tidak menyebut tentang keluarga Imam al-Nawawi: dalam catatan mereka kecuali apa yang disebut oleh 'Ibn al-'Atta:r tentang datuknya yang tinggal di Jawla:n di perkampungan Nawa. Mungkin keadaan tersebut disebabkan oleh ketidakmasyhoran mereka dalam bidang keilmuan dan kepimpinan. Selain dari itu bapanya terkenal dengan ketakwaan, kesalihan dan kewarakan.<sup>29</sup> Beliau merupakan ahli perniagaan.<sup>30</sup>

Antara kezuhudan dan kewarakan beliau ialah apabila Imam al-Nawawi: meninggal dunia, beliau telah menyerahkan karya-karya tulisan Imam al-Nawawi: dan kitab-kitab yang dibeli sebelum ini kepada al-Sheikh Burha:n al-Di:n al-'Iskandariyy untuk dipinjamkan kepada sesiapa yang memerlukan dari kalangan muslimin. Keadaan ini berterusan sehingga beliau meninggal dunia. Demikianlah kehidupan bapa Imam al-Nawawi: yang sentiasa bersifat zuhud dan warak seterusnya amat berwaspada dalam mendidik anak-anak agar mempunyai jiwa yang bersih dan membesar dengan makanan yang halal. Oleh yang demikian beliau telah melahiran anak-anak yang cemerlang seperti Imam al-Nawawi:.<sup>31</sup> Beliau meninggal dunia sembilan tahun selepas kewafatan Imam al-Nawawi:, semasa beliau berusia melewati 70 tahun.<sup>32</sup>

---

<sup>27</sup> *Ibid*, h.18.

<sup>28</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.16.

<sup>29</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.21-22

<sup>30</sup> Ta:j al-Di:n 'Abd al-Wahhab bin Taqy al-Di:n al-Subki: (1964), *Tabaqat al-Sha:fi'iyyat al-Kubra:*, Tahkik 'Abd al-Fattah Muhammad al-Hulu, Mahmu:d Muhammad al-Tana:hi:, j.8. Kaherah : 'I:sa: al-Ba:bi al-Halabi: h. 396.

<sup>31</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.23-24.

<sup>32</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.20.

## **2.1.2 Kelahiran, Riwayat Hidup Semasa Kecil dan Dewasa dan Kewafatan**

Beliau dilahirkan pada sepuluh hari pertama<sup>33</sup> bulan Muharam tahun 631H di Nawa, salah sebuah perkampungan Syam berhampiran Damsyik.<sup>34</sup> Beliau menetap di kampungnya sehingga berusia 18 tahun. Dalam tempoh tersebut kebanyakan waktunya dihabiskan dengan menghafaz al-Quran dan mempelajari beberapa ilmu selain dari membantu bapanya di kedai.<sup>35</sup>

Ayahnya menceritakan, pada suatu malam(malam 27 Ramadan), semasa al-Nawawi: berusia 7 tahun, beliau tidur di sisinya, pada pertengahan malam beliau bangkit dan menceritakan bahawa beliau melihat cahaya menerangi rumah sedangkan ayahnya sekeluarga tidak nampak cahaya itu. Keadaan itu menyedarkan ayahnya bahawa malam itu adalah malam Lailatulqadar.<sup>36</sup>

Gurunya dalam ilmu *al-Tariqat*, Sheikh Ya:sin bin Yu:suf al-Zarkashi: menceritakan bahawa beliau melihat Sheikh Muhyi: al-Di:n semasa berumur 10 tahun di Nawa. Ketika itu kanak-kanak tidak suka bermain dengannya. Lalu dia menyisihkan diri daripada mereka dan menangis. Bermula dari saat itu dia mula belajar al-Quran dan bermula dari saat itu Sheikh Ya:sin bin Yu:suf al-Zarkashi: mula mengasihi Imam al-Nawawi:. Ayahnya selalu meletakkannya di kedai tanpa membebankannya dengan

<sup>33</sup> Ahli sejarah bersepakat tentang bulan dan tahun kelahiran Imam al-Nawawi. Namun mereka berselisih pendapat tentang tarikh yang paling hampir kepada kelahiran beliau. Imam al-Sakha:wi:, Imam al-Sayu:ti: dan Imam al-Ya:fi:c: berpendapat beliau dilahirkan pada sepuluh hari pertengahan bulan Huharam tahun 631H. Pendapat ini ditarjihkan oleh Imam al-Shabarkhi:ti: dan Imam al-Sakha:wi:. Imam al-'Isnawi pula berpendapat bahawa beliau dilahirkan pada sepuluh hari pertama bulan Muharam. Walau bagaimanapun, pendapat pertama lebih tepat dan merupakan pendapat kebanyakan ahli sejarah kerana ia berasaskan kenyataan 'Ibn 'Attar murid kepada Imam al-Nawawi:. Lihat al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.25.

<sup>34</sup> Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 6.

<sup>35</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.22. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.27.

<sup>36</sup> 'Ula:' al-Di:n 'Abu: al-Hasan 'Ali: bin 'Ibra:hi:m bin Dawu:d 'Ibn al-'Atta:r (1991), *Tuhfat al-Ta:libi:n Fi: Tarjamat al-Nawawi:*. Tahkik Fu'a:d 'Abd al-Mun'im 'Ahmad. Iskandariyah : Mu'assasat Shaba:b al-Ja:mi:c at, h.23. Lihat juga Muhammad bin 'Abd al-Rahma:n al-Sakha:wi: (1935), *Tarjamat al-'Imam al-Nawawi:*. Kaherah : Matba:c at Jam'iyyat al-Nashr Wa al-Ta'lif Bi al-'Azhar, h.4. Lihat juga Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.7. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.26.

urusan perniagaan yang boleh mengganggu tumpuannya terhadap al-Quran. Sheikh Ya:sin bin Yu:suf al-Zarkashi: berjumpa dengan guru al-Qurannya dan memberitahu bahawa anak ini akan menjadi orang yang paling alim dan zuhud pada zamannya dan memberi sumbangan kepada ummat. Lalu guru itu bertanya adakah beliau seorang ahli nujum. Beliau menjawab bahawa beliau mendapat ilham daripada Allah SWT tentang perkara tersebut. Guru itu menceritakan perkara itu kepada ayahnya lantas ayahnya memberi perhatian dan mengambil berat tentang perkhabaran tersebut.<sup>37</sup>

Melalui bimbingan Sheikh Ya:sin bin Yu:suf al-Zarkashi: dan juga perhatian daripada ayahnya, beliau telah berjaya menghafaz al-Quran menjelang usia baligh dan mempelajari asas permulaan dalam ilmu-ilmu asas yang diperlukan di peringkat-peringkat berikutnya.<sup>38</sup>

Beliau sampai di Damsyik bersama ayahnya semasa berusia 19 tahun<sup>39</sup> pada tahun 649 H<sup>40</sup> untuk menimba ilmu daripada institusi-institusi pengajian yang mencapai bilangan melebihi 300 buah institusi di sekitar kota tersebut.<sup>41</sup> Damsyik pada masa itu menjadi tumpuan para ulama dan penuntut ilmu dari seluruh pelusuk dunia Islam. Ia merupakan kota yang terkenal dalam pelbagai ilmu yang wujud pada masa itu. Kegemilangan kota Damsyik dapat dilihat pada buku *Ta:ri:kh Demashq* hasil karya 'Ibn 'Asa:kir yang merupakan buku sejarah yang paling besar berkaitan sesebuah negeri. Buku tersebut mempunyai lebih dari 80 jilid. Ia menceritakan tentang ulama Damsyik, para

<sup>37</sup> Al-Sa:dipi: (t.t), *op.cit*, h.7. Lihat juga al-Nawawi: (1999),*op.cit*, h. .

<sup>38</sup> Subhi: al-Sa:lih (1970), *Minhal al-Wa:ridi:n Sharh Riyad al-Sa:lihi:n*, J.1. Beirut : Da:r al-'Ilm Li al-Mala:yi:n, h. 28.

<sup>39</sup> 'Ibn al-'Attar (1991), *op.cit*, h.24.

<sup>40</sup> Al-Sa:dipi: (t.t), *op.cit*, h.6.

<sup>41</sup> Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1982), *al-Tarkhis Bi al-Qiya:m Li Dhawi: al-Fadl Wa al-Maziyyat Min 'Ahl al-'Isla:m*. Tahkik 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh, c.1, Damsyik : Dar al-Fikr, h. 19.

sasterawan, para penyair, para pemimpin dan sesiapa yang mengunjunginya atau melewatinya<sup>42</sup>.

Imam al-Nawawi: menetap di Damsyik selama 28 tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh 'Ibn al-'Atta:r. Di sini beliau menghabiskan usianya dengan belajar, mengajar, mengarang dan beramal sehingga beliau wafat<sup>43</sup>. Ulama yang pertama ditemuinya ialah Imam dan juga khatib Masjid al-Ja:mi<sup>c</sup> al-'Umawi: iaitu Sheikh Jama:l al-Di:n <sup>c</sup>Abd al-Ka:fi: bin <sup>c</sup>Abd al-Malik bin <sup>c</sup>Abd al-Ka:fi: al-Raba<sup>c</sup>i: al-Demashqiyy(m.689H). Imam tersebut kemudiannya membawa Imam al-Nawawi: ke majlis ilmu mufti Syam, Ta:j al-Di:n <sup>c</sup>Abd al-Rahma:n bin 'Ibra:hi:m bin Diya:' al-Faza:ri: yang dikenali dengan panggilan 'Ibn al-Firka:h(m. 690H).<sup>44</sup>

Di sini beliau mula berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dan mula hidup secara sederhana dan zuhud. Semasa beliau belajar dengan gurunya 'Ibn al-Firka:h beliau tidak mempunyai rumah atau tempat penginapan kerana pada awalnya beliau tidak memberi perhatian kepada perkara tersebut bahkan lebih memikirkan tentang pengajian. Setelah melewati beberapa waktu beliau menanyakan gurunya tentang rumah atau tempat penginapan. Keadaan Imam al-Nawawi: pada awalnya tidak diketahui gurunya sehingga keadaan tersebut diceritakan. Sheikh 'Ibn al-Firka:h tidak mempunyai sekolah kecuali Sekolah al-Sa:rimiyat yang tidak mempunyai asrama. Lalu beliau menghantar Imam al-Nawawi: ke Sekolah al-Rawa:hiyyat. Pada masa itu Sheikh Kama:l al-Di:n 'Isha:q bin 'Ahmad bin <sup>c</sup>Uthma:n al-Maghribi: menjadi tutor di sekolah tersebut.<sup>45</sup> Di sini Imam al-Nawawi: mendapat sebuah bilik penginapan yang agak kecil

---

<sup>42</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.23-24.

<sup>43</sup> *Ibid*, h.192.

<sup>44</sup> *Ibid*, h. 24.

<sup>45</sup> Al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.8. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.31.

dan elok. Beliau menginap di sini di sepanjang beliau berada di Damsyik sehingga beliau dilantik sebagai guru di al-'Ashrafiyyat.<sup>46</sup>

Antara sebab Imam al-Nawawi memilih kamar ini sebagai persinggahan beliau untuk menuntut ilmu adalah kerana ia merupakan bangunan yang didirikan oleh para peniaga,<sup>47</sup> manakala makanannya pula ditanggung oleh pihak sekolah.<sup>48</sup> Beliau bergantung kepada makanan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk beberapa waktu, berikutnya beliau bergantung kepada makanan yang dihantar oleh ayahnya<sup>49</sup>.

Dengan kemudahan yang tersedia, di samping keberkatan seorang guru yang mempunyai sifat zuhud, warak, kuat melakukan ibadat dan mempunyai kedudukan yang tinggi telah memberi dorongan kepada beliau untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Beliau telah menghabiskan masanya dengan belajar, menulis, mentalaah kitab, berulang alik kepada guru-gurunya<sup>50</sup> dan beribadah kepada Allah SWT. Imam al-Nawawi: tidak pernah mensia-siakan masanya sama ada pada waktu malam atau siang kecuali pada urusan menuntut ilmu sehingga di jalan raya. Beliau sentiasa dalam keadaan ini selama 6 tahun. Dengan kesungguhan yang disertai dengan kewarakan, muraqabah, kesucian diri dan kesungguhan untuk mencapai keredaan Allah SWT beliau telah menghafaz hadis, ilmu-ilmu hadis, perawi-perawinya, hadis-hadis sahih dan daif.<sup>51</sup>

---

<sup>46</sup> *Ibid*, h. 5.

<sup>47</sup> , Abu: Muhammad °Abd 'Alla:h bin °As°ad bin °Ali: bin Sulayma:n al-Ya:fī: al-Yamaniyy al-Makkiyy (1970), *Mir'a:t al-Jina:n Wa °Ibra:t al-Yaqza:n*, j.4, c.2. Beirut : Mu'assasat al-°A:lamiyy Li al-Matbu:c:a:t, h. 183. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.32.

<sup>48</sup> °Abd al-Qa:dir bin Muhammad Al-Nu°aymi: al-Demashqi: (1988), *al-Da:ris Fi Ta:ri:kh al-Mada:ris*, Tahkik Ja°far al-Husni, j.1. Mida:n al-°Atba:t : Maktabat al-Thaqa:fat al-Di:niyyat, h. 24 . Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.32.

<sup>49</sup> Al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.5.

<sup>50</sup> *Ibid*, h.7.

<sup>51</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. .

Beliau berpaling daripada kemewahan dan kelazatan dunia dan hidup secara sederhana. Pengajian beliau tidak pernah diganggu oleh kesibukan urusan keluarga dan anak-anak.<sup>52</sup> Selain dari makanan yang disediakan oleh pihak sekolah, beliau hanya makan makanan yang dibawa bapanya daripada kuih basah dan buah tin yang diadunkan dan beliau meninggalkan makanan yang lazat.<sup>53</sup> Beliau makan hanya sekali sehari pada penghujung malam dan minum juga hanya sekali sehari pada waktu suhur. Beliau tidak minum minuman sejuk kerana dikhawatir ia boleh membawa kepada mengantuk.<sup>54</sup> Tujuan beliau di sebalik pengorbanan ini adalah untuk menjaga waktu dalam pengajian agar ia tidak terbuang sia-sia. Dari sudut yang lain dapat dibuat andaian bahawa keasyikan beliau dalam lautan ilmu dan beribadah kepada Allah SWT menyebabkan beliau berpaling daripada kelazatan dunia.

Beliau menceritakan bahawa beliau tidak meletakkan lambungnya ke atas bumi selama dua tahun.<sup>55</sup> Beliau mensyarahkan ilmu dan memperbetulkan pemahaman melalui gurunya. Kesungguhan beliau di dalam menuntut ilmu dan keengganannya beliau mendampingi orang ramai kerana kesibukan dengan ilmu berjaya memikat hati gurunya. Beliau telah dilantik sebagai tutor pada halakah gurunya bagi kebanyakan kumpulan.<sup>56</sup> Perlantikan ini menggambarkan kejayaan beliau dalam menuntut ilmu.

Imam al-Nawawi: sangat tekun mencari ilmu selama 20 tahun, sehingga menguasai beberapa disiplin ilmu agama, seperti Hadis dan Ilmu Hadis, Fiqah dan Usul Fiqah serta bahasa Arab. Pelajaran Hadis khususnya diperolehi daripada ulama Hadis Abu 'Ishaq 'Ibrahi:m bin ^Isa: al-Mura:di:, Usul fiqah daripada al-Qa:di: al-Tafti:s: dan fiqah

---

<sup>52</sup> *Ibid*, h.39.

<sup>53</sup> *Ibid*, h.38.

<sup>54</sup> *Ibid*, h.39. Lihat juga al-Ya:fi^i: (1970), *op.cit*, h. 183.

<sup>55</sup> *Ibid*, h.6. Lihat juga al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 7. Lihat juga 'Ibn Kathi:r 'Abu: al-Fida:' 'Isma:^i:l bin ^Umar bin Kathi:r al-Qurashiy al-Demashqiyy (2004), *Tabaqqa:t al-Fuqaha:*' *al-Sha:fi^iyyi:n*, Tahkik 'Anwar al-Ba:z, j.2, c.1. Al-Mansurah : Dar al-Wafa:', h. 347.

<sup>56</sup> *Ibid*. Lihat juga 'Ibn al-^Atta:r (1991), *op.cit*, h.25.

daripada al-Kama:l 'Isha:q al-Ma:ri: dan Shams al-Di:n 'Abd al-Rahma:n al-Ma:c mari:. Kitab-kitab hadis seperti *al-Kutub al-Sittat*, *al-Musnad* dan *al-Muwatta'* dikuasainya.<sup>57</sup> Selain dari menguasai ilmu-ilmu tersebut beliau juga menghafaz al-Quran.<sup>58</sup>

Menurut 'Ibn al-'Atta:r, salah seorang muridnya, beliau meluangkan masa untuk membaca setiap hari sebanyak 12 pelajaran dalam pelbagai disiplin ilmu secara berguru; dua pelajaran daripada kitab *al-Wasi:t* karangan Imam al-Ghaza:li:, satu pelajaran daripada kitab *al-Muhadhdhab*, satu pelajaran daripada kitab *al-Jama:c Bayna al-Sah:ihayn*, satu pelajaran daripada kitab *Sahi:h Muslim*, satu pelajaran daripada kitab *al-Lam:c* karangan 'Ibn Jinni:, satu pelajaran tentang mantik, satu pelajaran tentang *al-tasri:f*, satu pelajaran tentang usul fiqh yang berselangseli di antara kitab *al-Lam:c* karangan 'Ibn 'Isha:q dan kitab *al-Muntakhab* karangan Fakhr al-Ra:zi:, satu pelajaran tentang '*asma:*' *al-rijal* dan satu pelajaran tentang usuluddin.<sup>59</sup>

Hasil dari kesungguhan dan ketekunan beliau dalam menimba ilmu, beliau telah berjaya meletakkan dirinya dalam arena penulisan dan berikutnya terlibat secara lebih profesional dalam bidang perguruan dan pendidikan. Penglibatan beliau dalam kedua-dua bidang tersebut bukan hanya memberi sumbangan kepada umat Islam pada zamannya sahaja, bahkan sumbangan tersebut terus subur dan dirasai umat Islam sepanjang zaman, lebih-lebih lagi kepada pengikut-pengikut mazhab Syafii.

Dalam lingkungan usia 29 tahun, iaitu pada tahun 660H beliau mula terlibat dalam penulisan. Penglibatan ini berterusan sehingga ke akhir hayatnya.<sup>60</sup> Semasa berusia 34

<sup>57</sup> Ensiklopedia Islam (2004), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 22.

<sup>58</sup> al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. . Lihat juga al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 6.

<sup>59</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1991), *op.cit*, h.27. Lihat juga 'Abu: 'Abd 'Alla:h Shams al-Di:n Muhammad al-Dhahabi: (1958), *Tadhkirat al-Huffaz*, j.4. Beirut : Dar 'Ihya:' al-Tura:th al-'Arabi:, h.1470. Lihat juga al-Nawawi: (1999), *Ibid*, h. . Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.34.

<sup>60</sup> Al-Ya:fi:c'i: (1970), *op.cit*, h. 183.

tahun, iaitu pada tahun 665H selepas al-Sheikh Shihab al-Din 'Abu Shamat, beliau dilantik sebagai guru di *Dar al-Hadiyah al-'Ashrafiyyat* di Damshik tanpa menerima imbuhan atau gaji. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga ke akhir hayatnya.<sup>61</sup>

Beliau tidak menerima hadiah daripada seseorang kecuali beberapa kali dan hanya makan makanan yang dibawa bapanya<sup>62</sup>. Selain dari itu beliau memakai pakaian daripada kapas dan serban berwarna puteh uban.<sup>63</sup> Keadaan ini menggambarkan kesederhanaan dan kezuhudan beliau dalam kehidupan.

Demikianlah secebis sejarah kehidupan seorang ilmuan Islam yang berjiwa besar dan menjadi ikon umat Islam seluruhnya. Di sebalik kesungguhan, kegigihan, pengorbanan dan ketakwaan yang teguh kepada Allah SWT Imam al-Nawawi: dikurniakan kebijaksanaan dan kepintaran dalam memahami pelajaran dan menghafaznya.

Beliau menghafaz al-Quran semenjak umurnya hampir mencelik usia baligh.<sup>64</sup> Faktor ini menjadi penyebab utama kepada ketajaman hafazan dan kejernihan hatinya kerana hati yang menanggung al-Quran sentiasa mendapat cahaya Ilahi. Namun demikian, beliau dapat menghafaz ilmu dengan mudah lantaran beliau telah menghafaz kalam Allah SWT yang merupakan seberat-berat kalam.<sup>65</sup> Antara kepintaran beliau ialah beliau berjaya menghafaz kitab *al-Tanbih* karangan 'Abu 'Ishaq al-Shirazi: dalam masa empat bulan setengah dan menghafaz satu per empat daripada permasalahan Ibadah dalam kitab *al-Muhadhdhab* hasil karya pengarang yang sama dalam masa lapan bulan.<sup>66</sup> Kedua-dua kitab tersebut merupakan kitab yang besar. Kitab *al-Tanbih*

<sup>61</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. . Lihat juga al-Sa'diqi: (t.t), *op.cit*, h. 6. Lihat juga al-Nu'aymi: (1988), *op.cit*, h.25. Lihat juga 'Ibn Kathir (2004), *op.cit*, h. 348.

<sup>62</sup> 'Ibn Kathir (2004), *Ibid*, h. 348-349.

<sup>63</sup> *Ibid*. Lihat juga al-Sa'diqi: (t.t), *op.cit*, h. 7.

<sup>64</sup> Al-Sakha'wi: (1935H), *op.cit*, h.4.

<sup>65</sup> Al-Haddad.(1992), *op.cit*, h.38.

<sup>66</sup> *Ibid*, h.39. Lihat juga al-Yafi'i: (1970), *op.cit*, h. 183. Lihat juga al-Sakha'wi: (1935H), *op.cit*, h.5.

mempunyai 166 muka surat, manakala satu per empat daripada permasalahan Ibadah dalam kitab *al-Muhadhdhab* mempunyai 257 muka surat.<sup>67</sup>

Keagungan dan kegemilangan Imam al-Nawawi: menjadi sebutan dan ikutan para ulama sepanjang zaman. Dr. Wahbat al-Zuhayli: menyatakan tentang Imam al-Nawawi: dalam pengenalannya tentang kitab Riya:d al-Sa:lihi:n :

Aku amat menyintai Imam al-Nawawi: semenjak dari kecil, lalu aku menjadikannya sebagai contoh teladan hidupku kerana dua pekara, iaitu : kesungguhananya terhadap ilmu, belajar, mengajar, penglibatan beliau yang aktif dalam penulisan yang bermula semenjak beliau berusia tigapuluhan dan keikhlasan beliau dalam menuntut ilmu, suka menyebarkannya dan berkhidmat untuk Islam dan umatnya. Kecintaan itu lahir semenjak aku mendengar guru-guruku berulangkali mengungkapkan kata-kata Sheikh al-<sup>c</sup>Alla:ma<sup>t</sup> Taqy al-Di:n al-Subki: tentang Imam al-Nawawi: :

فِي دَارِ الْحَدِيثِ لَطِيفٌ مُعْنَىٰ  
عَلَى بَسْطِ لَهَا اصْبَرَ وَأَوْيَ  
مَكَانًا مَسَّهُ قَدْمَ النَّرَوَىٰ  
عَسَى أَنِّي أَمْسَأَ بَحْرَ وَجْهِيٍّ

Ini jelas menunjukkan penghormatan Imam Taqy al-Di:n al-Subki: terhadap beliau, keagungannya dan kecintaan para ulama tersohor terhadapnya.<sup>68</sup>

Imam al-Nawawi: meninggal dunia dalam usia 45 tahun. Sebelum meninggal beliau sempat pergi ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji bersama ibu bapanya dan menetap di Madinah selama 15 bulan. Dia tidak pernah berkahwin hingga ke akhir hayatnya<sup>69</sup>. Di sepanjang kehidupan, beliau telah menunaikan ibadat Haji sebanyak dua kali dan pada penghujung usianya beliau telah menziarahi al-Quds dan al-Khalil serta pulang ke tanahairnya lalu jatuh sakit di pangkuhan kedua ibubapanya dan meninggal dunia pada malam Rabu, 24 Rejab<sup>70</sup> tahun 676H. Beliau dikebumikan di perkampungannya.<sup>71</sup>

<sup>67</sup> Al-Hadda:d.(1992), *Ibid*, h.39.

<sup>68</sup> Al-Nawawi: (1999), *Ibid*, h. .

<sup>69</sup> Ensiklopedia Islam (2004), *op.cit*, h. 22.

<sup>70</sup> Tarikh ini menepati perhitungan falak. Lihat al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.6.

<sup>71</sup> *Ibid*, h.6.

### **2.1.3 Mazhab Imam al-Nawawi:**

Dalam masalah akidah Imam al-Nawawi: bermazhab salaf. Kadang-kadang beliau membuat takwil mengikut metodologi ulama *muta'akhkiri:n*. Banyak pandangan beliau berdasarkan usul akidah ahli Sunah dipaparkan dalam kitabnya *Sharh Muslim*. Bagaimanapun guru beliau dalam ilmu Tauhid tidak dapat diketahui dengan jelas dan diyakini bahawa beliau belajar daripada salah seorang gurunya.<sup>72</sup> Imam al-Ya:fi<sup>c</sup>i: dan Imam al-Ta:j al-Subki: r.a. bertegas menyatakan bahawa beliau bermazhab 'Ash<sup>c</sup>ari:<sup>73</sup> Beliau mempunyai risalah dalam ilmu Tauhid yang dinamakan al-Maqasid.<sup>74</sup> Risalah ini merupakan hasil tunggal penulisan beliau dalam ilmu Tauhid. Ini menunjukkan populariti beliau tidak begitu terserlah dalam bidang ini sebagaimana bidang hadis dan fiqah.

Dalam masalah fiqah beliau bermazhab Syafii. Beliau telah mencapai darjat mujtahid mutlak dan tetap setia kepada mazhab Syafii.<sup>75</sup> Beliau dikenali sebagai mujtahid yang sibuk dengan kegiatan muzakarah,<sup>76</sup> banyak menghasilkan tulisan dalam bidang fiqh mazhab Syafii yang menjadi rujukan pengikut mazhab tersebut dari dulu hingga kini.

### **2.1.4 Guru Imam al-Nawawi:**

Imam al-Nawawi: merupakan cendikiawan Islam yang menguasai pelbagai bidang. Beliau menguasai bahasa Arab, nahu, fiqah, usul fiqah, hadis dan ilmu-ilmu hadis, ilmu kalam(tauhid), usuluddin dan al-Quran. Di samping itu, beliau banyak menulis dan mengajar dalam bidang-bidang tersebut.<sup>77</sup> Selain dari penguasaan beliau dalam bidang keilmuan, beliau merupakan seorang tokoh yang warak dan zuhud dalam mengharungi

---

<sup>72</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.62.

<sup>73</sup> Al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.36. Lihat juga *Ibid*.

<sup>74</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.63.

<sup>75</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. .

<sup>76</sup> Ensiklopedia Islam (2004), *op.cit*, h. 22.

<sup>77</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. .

kehidupan. Kesarjanaan, ketokohan dan keperibadian beliau yang mulia menjadi ukuran dan ikon kegemilangan institusi dan guru-guru yang mendidiknya. Sheikh 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh dalam mukadimah kitab *al-Tarkhi:s Bi al-Qiya:m* suntingan beliau, telah menyenaraikan guru-guru Imam al-Nawawi: secara umum sebagaimana berikut:<sup>78</sup>

1. 'Ibra:hi:m bin ^Umar al-Wa:siti: 'Abu: 'Isha:q
2. 'Ibra:hi:m bin ^I:sa: al-Mara:di: al-'Andalu:si: al-Sha:fi^i: 'Abu: 'Isha:q
3. 'Ahmad bin Sa:lim al-Misri: 'Abu: al-^Abba:s.
4. 'Ahmad bin ^Abd al-Da:'im al-Maqdisi: 'Abu: al-^Abba:s.
5. 'Isha:q bin 'Ahmad bin ^Uthma:n al-Maghribi: 'Abu: 'Ibra:hi:m.
6. 'Isma:^i:l bin 'Abu: al-Yusr al-Tanu:khi:, 'Abu: Muhammad, Taqy al-Di:n
7. Jama:l al-Di:n bin al-Sairafi:.
8. Kha:lid bin Yu:suf al-Nablu:si: 'Abu: al-Baqa:'
9. Al-Ra:di: bin al-Burha:n
10. Salla:r bin al-Hasan al-'Irbi:li: al-Halabi: al-Demashqi:
11. Sham al-Di:n bin 'Abu: ^Umar
12. Al-Diya:’ bin Tamma:m al-Hanafi:
13. ^Abd al-Rahma:n bin 'Ibra:hi:m bin al-Firka:h
14. ^Abd al-Rahma:n bin 'Ahmad bin Muhammad bin al-Quda:mat al-Muqaddisiyy al-Hambali:
15. ^Abd al-Rahma:n bin 'Isma:^i:l al-Demashqi:( 'Abu: Sha:mat)
16. ^Abd al-Rahma:n bin Sa:lim al-'Anba:ri 'Abu: Muhammad
17. ^Abd al-Rahma:n bin Muhammad bin al-Hasan al-Ba:dira:'i: al-Baghda:di:

---

<sup>78</sup> Al-Nawawi: (1982), *opcit*, h. 24-25.

18. <sup>c</sup>Abd al-Rahma:n bin Nu:h al-Muqaddisi: al-Demashqi: 'Abu: Muhammad Shams al-Di:n
19. <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Azi:z bin Muhammad al-'Ansa:ri: 'Abu: Muhammad
20. <sup>c</sup>Abd al-Kari:m bin <sup>c</sup>Abd al-Samad al-Harista:ni 'Abu: al-Fada:'il
21. <sup>c</sup>Izz al-Di:n bin Sa<sup>c</sup>ad al-'Irbili:
22. <sup>c</sup>Ima:d al-Di:n bin <sup>c</sup>Abd al-Kari:m al-Haristani:
23. <sup>c</sup>Umar bin 'As <sup>c</sup>ad al-Raba<sup>c</sup>i: al-'Irbili:
24. <sup>c</sup>Umar bin Bandar al-Taflisi: al-Sha:fi<sup>c</sup>i:
25. Muhammad bin Ma:lik al-Jayya:ni: 'Abu: <sup>c</sup>Abd 'Alla:h
26. Muhammad bin Muhammad al-Fikri: al-Ha:fiz
27. Yahya: bin 'Abu: al-Fath al-Hara:ni: al-Sairafi:

Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas tentang guru-guru Imam al-Nawawi: mengikut bidang keilmuan, penulis cuba mendedahkan perkara tersebut dalam perbincangan berikut.

#### **2.1.4.1 Guru-guru Imam al-Nawawi: dalam Bidang Ilmu Fiqah**

Sebagaimana diceritakan sebelum ini setibanya Imam al-Nawawi: di Damsyik beliau telah menemui al-Sheikh Jama:l al-Di:n <sup>c</sup>Abd al-Ka:fi:, khatib Jamik al-'Umawi:. Beliau tidak mempelajari apa-apa daripada al-Sheikh Jama:l al-Di:n <sup>c</sup>Abd al-Ka:fi:. Seterusnya beliau dibawa ke halakah mufti Syam, al-Sheikh Ta:j al-Di:n al-Fazari: yang terkenal dengan panggilan 'Ibn al-Firka:h. Sheikh Ta:j al-Di:n al-Faza:ri: merupakan guru Imam al-Nawawi: yang pertama yang sempat mengajar beliau beberapa waktu. Berikutnya beliau berguru dengan al-Sheikh al-Kama:l 'Isha:q al-Maghribi: dalam

tempoh yang lama.<sup>79</sup> Beliau banyak belajar melalui Sheikh al-Kama:l 'Isha:q al-Maghribi:<sup>80</sup> dan menganggapnya sebagai gurunya yang pertama.<sup>81</sup>

Rangkaian guru Imam al-Nawawi: dalam bidang fiqh sampai kepada Imam Syafii dan seterusnya Rasulullah s.a.w. sebagaimana diceritakan oleh 'Ibn al-'Atta:r. Berikut adalah rangkaian tersebut yang bermula daripada guru-guru beliau, seterusnya rangkaian sanad sampai kepada Rasululla s.a.w :

(1) Guru-guru Imam al-Nawawi: dalam bidang fiqh :

1. 'Abu: 'Ibra:hi:m 'Isha:q bin 'Ahmad bin 'Uthma:n al-Maghribi: al-Muqaddisi: Kama:l al-Di:n.
2. 'Abu: Muhammad 'Abd al-Rahma:n bin Nu:h bin Muhammad bin 'Ibra:hi:m bin Mu:sa: al-Muqaddisi: al-Demashqi:
3. 'Abu: Hafs 'Umar bin 'As 'ad bin 'Abu: Gha:lib al-Raba:c:i: al-'Irbili:.
4. 'Abu: al-Hasan Salla:r bin al-Hasan al-'Irbili: al-Halabi: al-Demashqi:

Tiga orang guru yang teratas daripada senarai guru-guru tersebut berguru dengan 'Abu: 'Amru: 'Uthma:n 'Ibn 'Abd Rahma:n 'Ibn 'Uthma:n. Beliau terkenal dengan panggilan 'Ibn Sala:h. Beliau berguru dengan ayahnya. Seterusnya ayahnya pula berguru dengan dua rangkaian guru, iaitu rangkaian guru dari kalangan orang-orang Iraq dan rangkaian guru dari kalangan orang-orang Khurasan.<sup>82</sup>

Melalui rangkaian guru dari kalangan orang-orang Iraq beliau menerima ilmu daripada 'Abu: Sa:c:d 'Abd 'Alla:h bin Muhammad bin Hiba:t 'Alla:h bin 'Ali: 'Asru:n al-Mu:sili:. 'Abu: Sa:c:d menerima ilmu daripada al-Qa:di 'Abu: 'Ali: al-Husayn 'Ibn 'Ibra:hi:m al-Fa:riqi:. Manakala al-Fa:riqi: pula berguru dengan 'Abu: 'Isha:q al-Shira:zi:. Seterusnya

<sup>79</sup> Al-Sakha:wi: (1935), *op.cit*, h.8. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.31. Lihat juga Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.24 dan 36.

<sup>80</sup> Al-Nu:caymi: (1988), *op.cit*, h.25. Lihat juga Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.36.

<sup>81</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.36.

<sup>82</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1991), *op.cit*, h. 30-32. Lihat juga *Ibid*, h.36-38.

'Abu: 'Isha:q berguru dengan al-Qa:di: 'Abu: al-Tayyib Ta:hir bin Ta:hir bin 'Abd 'Alla:h al-Tabari:. 'Abu: al-Tayyib pula berguru dengan 'Abu: al-Husayn Muhammad bin 'Ali: bin Sahl bin Muslih al-Ma:sarjisi. Al-Ma:sarjisi pula menerima ilmu daripada 'Abu: 'Isha:q 'Ibra:hi:m bin Muhammad al-Marwazi:. 'Abu: 'Isha:q pula berguru dengan 'Abu: al-'Abba:s 'Ahmad bin Surayj. Berikutnya 'Ibn Surayj berguru dengan 'Abu: al-Qa:sim 'Uthma:n 'Ibn Bashsha:r al-'Anma:ti:. Al-'Anma:ti: pula berguru dengan 'Abu: 'Ibra:hi:m 'Isma:c:i:l bin Yahya: al-Muzani:. al-Muzani: pula berguru dengan 'Abu: 'Abd 'Alla:h Muhammad bin 'Idri:s al-Sha:fi:c:. Manakala Imam al-Sha:fi:c: pula berguru dengan beberapa orang guru seperti berikut :

1. 'Abu: 'Abd 'Alla:h Ma:lik bin 'Anas, Imam kota Madinah.

Beliau menerima ilmu daripada Rabi:c:t, murid kepada 'Anas. Demikian juga beliau berguru dengan Nafi' yang merupakan murid kepada 'Ibn 'Umar. Kedua-dua orang sahabat tersebut menerima ilmu daripada Rasulullah s.a.w.

2. Sufya:n 'Ibn 'Uyaynat

Beliau menerima ilmu daripada 'Amru 'Ibn Di:na:r dan 'Ibn 'Amru 'Ibn 'Abba:s.

3. 'Abu: Kha:lid Muslim bin Kha:lid

Beliau terkenal dengan panggilan al-Zanji:. Beliau merupakan mufti Mekah. Muslim menerima ilmu daripada 'Abu: al-Wali:d 'Abd al-Malik bin 'Abd al-'Azi:z bin Jurayj. 'Ibn Jurayj pula berguru dengan 'Abu: Muhammad 'Ata:' bin Muslim bin 'Abu: Raba:h. Seterusnya 'Ata:' berguru dengan 'Abu: al-'Abba:s 'Abd 'Alla:h bin 'Abba:s. 'Ibn al-'Abba:s pula menerima daripada Rasulullah s.a.w. secara langsung. Selain dari itu beliau juga menerima daripada 'Umar bin al-Khattab, Zayd bin Thabit dan sekumpulan sahabat Rasulullah s.a.w yang lain yang mana mereka menerima ilmu daripada Rasulullah s.a.w. Demikianlah rangkaian guru-guru Imam al-Nawawi: berdasarkan rangkaian al-'Ira:qiyyi:n.<sup>83</sup>

---

<sup>83</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1991), *Ibid*, h. 32-34. Lihat juga Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.38-39.

Manakala rangkaian guru-guru beliau berdasarkan rangkaian al-Khurasa:niyyi:n pula, Imam al-Nawawi: menerima ilmu daripada guru-guru beliau yang dijelaskan sebelum ini, seterusnya tiga orang guru yang teratas daripada senarai guru-guru tersebut berguru dengan 'Abu: <sup>c</sup>Amru: <sup>c</sup>Uthma:n 'Ibn <sup>c</sup>Abd al-Rahma:n 'Ibn <sup>c</sup>Uthma:n ('Ibn Sala:h). 'Ibn Sala:h pula berguru dengan ayahnya. Berikutnya, ayahnya pula berguru dengan 'Abu: al-Qa:sim bin al-Bazri:. 'Abu: al-Qa:sim menerima ilmu daripada 'Abu: al-Hasan <sup>c</sup>Ali: bin Muhammad bin <sup>c</sup>Ali: 'Ilkiya: al-Harra:si:.'Abu: al-Hasan menerima daripada 'Abu: al-Ma<sup>c</sup>a:li: <sup>c</sup>Abd al-Malik bin <sup>c</sup>Abd 'Alla:h bin Yu:suf, Imam al-Haramayn. 'Abu: al-Ma<sup>c</sup>a:li: pula menerima daripada ayahnya 'Abu: Muhammad. 'Abu: Muhammad pula menerima daripada 'Abu: Bakar <sup>c</sup>Abd 'Alla:h bin 'Ahmad al-Qaffa:l al-Marwazi: al-Saghi:r. Beliau merupakan Imam kepada rangkaian al-Khurasa:ni. Beliau menerima ilmu daripada 'Abu: Zayd Muhammad bin 'Ahmad <sup>c</sup>Abd 'Alla:h bin Muhammad al-Marwazi:. 'Abu: Zayd pula menerima daripada 'Abu: 'Isha:q al-Maru:zi:.'Abu: 'Isha:q pula menerima ilmu daripada 'Ibn Surayj sebagaimana rangkaian sanad sebelum ini. Selain dari itu, Imam 'Abu: al-Hasan Salla:r (guru kepada Imam al-Nawawi:) menerima ilmu daripada sekumpulan ulama, di antaranya ialah Imam 'Abu: Bakar al-Ma:ha:ni:. Al-Ma:ha:ni: pula berguru dengan 'Ibn al-Bazri: mengikut rangkaian sanad sebelum ini. Demikianlah rangkaian guru Imam al-Nawawi: dalam bidang fiqh secara terperinci. Ini menunjukan beliau menerima ilmu secara bersanad.<sup>84</sup>

#### **2.1.4.2 Guru-guru Beliau dalam Bidang Usul al-Fiqh**

Beliau mempelajari ilmu Usul al-Fiqh daripada sekumpulan ulama. Antara ulama yang paling agung dan terkenal yang menjadi guru kepada beliau dalam bidang ini ialah al-<sup>c</sup>Alla:ma<sub>t</sub> al-Qa:di: 'Abu: al-Fath <sup>c</sup>Umar bin Bunda:r bin <sup>c</sup>Umar bin <sup>c</sup>Ali: bin Muhammad al-Taflisi: al-Sha:fi<sup>c</sup>i: . Beliau mempelajari kitab al-Muntakhab karangan

---

<sup>84</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h. 34-35. Lihat juga Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.39.

Fakhr al-Di:n al-Ra:zi: dan sebahagian daripada kitab al-Mustasfa: karangan Imam al-Ghaza:li: daripada 'Abu: al-Fath. Sementara kitab-kitab yang lain beliau mempelajarinya daripada guru-guru yang lain.<sup>85</sup>

#### **2.1.4.3 Guru-guru Beliau dalam Bidang Hadis**

Kurun yang ke 7H merupakan zaman yang mempunyai ramai cendikiawan Islam yang agung dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang hadis dan fiqah. Secara keseluruhannya, bidang hadis merupakan bidang ilmu yang mendominasikan bidang-bidang ilmu yang lain pada masa itu. Namun demikian, sedikit sekali ahli fiqah atau sasterawan atau ahli nahu yang tidak menguasai ilmu Hadis, bahkan ramai dari kalangan ulama yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang berkongsi kepakaran dalam ilmu Hadis. Demikianlah kedudukan ilmu Hadis pada masa itu, dikuti ilmu Fiqah<sup>86</sup>.

Situasi tersebut turut dirasai Imam al-Nawawi:, bahkan beliau dikatakan merupakan ilmuwan Islam yang amat menguasai bidang hadis dan fiqah selain dari bidang-bidang yang lain. Kepakaran beliau dalam bidang hadis adalah kesan daripada situasi pada masa itu, selain dari sistem pendidikan dan kemantapan guru-guru beliau yang menjadi mursyid dan ikutan, di samping usaha dan kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu.

Bagi menjelaskan lagi kedudukan Imam al-Nawawi: dalam bidang hadis, berikut dinyatakan guru-guru beliau dalam bidang berkenaan. Antaranya ialah<sup>87</sup> :

1. 'Ibra:hi:m bin 'I:sa: al-Mura:di: al-'Andalu:si: al-Misri: al-Demashqi:.

---

<sup>85</sup> 'Ibn al-`Atta:r (1991), *Ibid*, h.36. Lihat juga al-Daqr (1987), *Ibid*, h.42-43. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.66.

<sup>86</sup> Al-Hadda:d.(1992), *Ibid*, h.41.

<sup>87</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h. 40-42. Senarai guru-guru Imam al-Nawawi: yang disebutkan oleh 'Abd al-Ghani: al-Daqr ini dipetik daripada *kitab Tuhfat al-Ta:libi:n, al-Tadhkirat, al-Da:ris, al-Tabaqat al-Kubra: dan kitab Tarjamat al-Nawawi:* karangan Imam al-Sakha:wi:. Lihat juga *Ibid*, h.66.

2. 'Abu: 'Isha:q 'Ibra:hi:m bin 'Abu: Hafs 'Umar bin Madar al-Wa:siti:.
3. Sheikh Zayn al-Di:n 'Abu: al-Baqa:' Kha:lid bin Yu:suf bin Sa:d al-Na:bilisi:.
4. Al-Ra:di: bin al-Burha:n.
5. 'Abd al-'Azi:z bin Muhammad bin 'Abd al-Muhsin al-'Ansa:ri: al-Hamawi: al-Sha:fi:i:.
6. Zayn al-Di:n 'Abu: al-'Abba:s bin 'Abd al-Da:'im al-Muqaddisi:.
7. 'Abu: al-Farj 'Abd al-Rahma:n bin 'Abu: 'Umar Muhammad bin 'Ahmad 'Ibn Muhammad bin Quda:mat al-Maqdisi:.
8. Qa:di: al-Quda:t 'Ima:d al-Di:n 'Abu: al-Fada:'il 'Abd al-Kari:m 'Ibn 'Abd al-Samad bin Muhammad al-Harista:ni, Khatib Damsyik.
9. Taqy al-Di:n 'Abu: Muhammad 'Isma:i:l bin 'Abu: 'Isha:q 'Ibra:hi:m bin 'Abu: al-Yusr al-Tanu:khi:.
10. Jama:l al-Di:n 'Abu: Zakariyya Yahya: bin 'Abu: al-Fath al-Sayrafi: al-Harra:ni:.
11. 'Abu: al-Fadl Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Bakri: al-Ha:fiz.
12. Al-Diya:' bin Tamma:m al-Hanafi:.
13. Mufti Jama:l al-Di:n 'Abd al-Rahma:n bin Sa:lim bin Yahya: al-'Anba:ri: al-Demashqi: al-Hambali:.
14. Shams al-Di:n bin 'Abu: 'Amru:.

#### **2.1.4.4 Guru-guru Imam al-Nawawi: dalam Bidang Bahasa Arab, Nahu dan al-Tasri:f**

Guru Imam al-Nawawi: yang pertama dalam bidang bahasa Arab ialah Fakhr al-Di:n bin al-Ma:lik: r.a. Imam al-Nawawi: mempelajari kitab *al-Lam<sup>c</sup>* karya 'Ibn al-Jinni: daripada beliau.<sup>88</sup> Selain daripada beliau, Imam al-Nawawi: juga mempelajari kitab

---

<sup>88</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1991), *op.cit*, h. 36.

*Isla:h al-Mantiq* karangan 'Ibn al-Sukayt daripada Sheikh 'Ahmad bin Sa:lim al-Misri:, demikian juga tentang *al-Tasrif* dan Nahu.<sup>89</sup> Imam al-Nawawi: juga mempelajari ilmu Bahasa Arab daripada al-'Alla:mat Jama:l al-Di:n 'Abu: 'Abd 'Alla:h Muhammad bin 'Abd 'Alla:h bin Ma:lik al-Ta:'i: al-Jayya:ni:.<sup>90</sup>

### 2.1.5 Murid-murid Imam al-Nawawi:

Sebagaimana dinyatakan 'Ibn 'Attar bahawa Imam al-Nawawi: mempunyai ramai murid dari kalangan fuqaha. Ilmu, fatwa dan kemuliaan beliau tesebar ke seluruh alam. Hasil karya penulisan beliau dirasai umat Islam seantero dunia.<sup>91</sup> Kenyataan ini menunjukkan kegemilangan beliau dalam bidang kesarjanaan. Selain dari itu, kehebatan murid-muridnya juga menggambarkan kemantapan beliau dalam mendidik dan mentarbiah mereka.

Sheikh 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh dalam mukadimah kitab *al-Tarkhi:s Bi al-Qiya:m* suntingan beliau, telah menyenaraikan murid-murid Imam al-Nawawi: sebagaimana berikut:<sup>92</sup>

1. 'Ahmad bin 'Ibra:hi:m bin Mas'ab 'Abu: al-'Abba:s<sup>93</sup>
2. 'Ahmad al-Dari:r al-Wa:siti: 'Abu: al-'Abba:s<sup>94</sup>
3. 'Ahmad bin Farh al-'Ishbi:li: 'Abu: al-'Abba:s
4. 'Ahmad bin Muhammad al-Jafari: 'Abu: al-'Abba:s
5. 'Isma:i:l bin al-Mu'allim al-Hanafi: al-Rashi:d
6. Sulayma:n al-Jafari: Sadr al-Di:n<sup>95</sup>

<sup>89</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h. 43-44.

<sup>90</sup> al-Daqr (1987), *Ibid*, h. 43. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.68.

<sup>91</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1991), *op.cit*, h. 42.

<sup>92</sup> Al-Nawawi: (1982), *op.cit*, h. 26 -27.

<sup>93</sup> Lihat al-Daqr (1987), *op.cit*, h.106. Perlu dinyatakan di sini bahawa 'Abd al-Ghani: al-Daqr menyenaraikan nama murid-murid Imam al-Nawawi: berdasarkan kitab *Tarjamat al-'Ima:m al-Nawawi:* karangan Imam al-Sakha:wi:, *al-Darar al-Ka:minat*, *al-Tadhkirat*, *Tabaqat al-Sha:fi'iyyat*, *al-Da:ris* dan kitab *Tuhfat al-Ta:libi:n*. Lihat al-Daqr (1987), *Ibid*, h.108.

<sup>94</sup> *Ibid*, h.106.

7. Sulayma:n bin ^Umar al-Dar^ci: Jama:l al-Di:n<sup>96</sup>
8. Shiha:b al-Di:n al-'Irbidi:<sup>97</sup>
9. Shiha:b al-Di:n bin Ja^wa:n<sup>98</sup>
10. ^Abd al-Rahma:n bin Muhammad al-Maqdisi: 'Abu: al-Faraj<sup>99</sup>
11. ^Ula:' al-Di:n bin al-^Atta:r<sup>100</sup>
12. Muhammad bin 'Ibra:hi:m bin Jama:^at (al-Badr)<sup>101</sup>
13. Muhammad bin 'Abu: Bakr bin al-Naqi:b (al-Shams)<sup>102</sup>
14. Muhammad ^Abd al-Kha:liq al-'Ansa:ri.<sup>103</sup>
15. Muhammad bin 'Abu: al-Fath al-Hambali: 'Abu: ^Abd 'Alla:h
16. Hibat 'Alla:h bin ^Abd al-Rahi:m al-Ba:ri: (al-Shari:f)
17. Yu:suf bin ^Abd al-Rahma:n al-Mizzi: 'Abu: al-Hajja:j.

Selain daripada senarai yang tersebut di atas, terdapat beberapa nama yang lain disenaraikan oleh ^Abd al-Ghani: al-Daqr dalam kitabnya *al-'Ima:m al-Nawawi:*. Berikut adalah senarai tersebut :<sup>104</sup>

1. Al-Najm 'Isma:^ci:l bin 'Ibra:hi:m bin Sa:lim bin al-Khabba:z.
2. Sheikh al-Na:sik Jibri:l al-Kurdi:.
3. 'Ami:n al-Di:n Sa:lim bin 'Abu: al-Da:r.
4. Al-^Ula:' ^Ali: bin 'Ayyu:b bin Mansu:r al-Muqaddisi:
5. 'Abu: Zakariyya: Yahya: bin al-Fa:dil Jama:l al-Di:n 'Isha:q 'Ibn Khali:l.
6. ^Abd al-Rahi:m bin Muhammad bin Yu:suf al-Samhu:di:.

<sup>95</sup> *Ibid*, h.107.

<sup>96</sup> *Ibid*, h. 107.

<sup>97</sup> *Ibid*, h. 107.

<sup>98</sup> *Ibid*, h.106.

<sup>99</sup> *Ibid*, h.107.

<sup>100</sup> *Ibid*, h.105. Lihat juga 'Ibn al-^Atta:r (1991), *op.cit*, h.30. 'Ibn al-^Atta:r dalam kitab *tuhfat al-Ta:libi:n* tidak menyenaraikan nama murid-murid Imam al-Nawawi: secara terperinci, beliau hanya menyenaraikan secara umum.

<sup>101</sup> al-Daqr (1987), *Ibid*, h.106.

<sup>102</sup> *Ibid*, h.106.

<sup>103</sup> *Ibid*, h.106.

<sup>104</sup> *Ibid*, h.106 -108.

7. Al-Qa:di: Diya:' al-Di:n ^Ali: bin Sulaym.
8. Shams al-Di:n al-Bayta:r al-Mu^bir.
9. ^Abd 'Alla:h bin Muhammad bin ^Ali:.
10. Shiha:b al-Di:n 'Abu: Hafs ^Umar bin Kathi:r, ayah kepada 'Ibn Kathi:r.

### **2.1.6 Hasil Karya Penulisan Imam al-Nawawi:**

Sejak berusia 25 tahun hingga wafat (656-676H/1257-1277M), Imam Nawawi: telah memberi sumbangan yang amat besar dalam penulisan.<sup>105</sup> Beliau telah menghasilkan enam ratus enam puluh (660) buah kitab sebagaimana dinyatakan oleh Imam al-Zahabi:<sup>106</sup> Kitab karangan beliau yang paling popular di kalangan penganut mazhab Syafii ialah *Minha:j al-Ta:libi:n*. Rentetan daripada kemunculan kitab itu, maka lahirlah kitab *Tuhfa:t* karangan Sheikh 'Ibn Hajar dan kitab *al-Niha:yat* karangan al- Sheikh al-Ramli: sebagai ulasan kepada kitab *Minha:j al-Ta:libi:n*.<sup>107</sup>

Sebagai ulama agung dan berwibawa beliau telah menghasilkan karya penulisan yang banyak dalam pelbagai bidang. Karya-karya beliau menjadi rujukan umat Islam sepanjang zaman. Antara karya-karya beliau yang dicetak, demikian juga yang ditulis ataupun hilang sebagaimana yang dinyatakan oleh Sheikh 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh dalam mukadimah kitab *al-Tarkhi:s Bi al-Qiya:m* suntingan beliau adalah sebagaimana berikut:

(1) Karya-karya beliau yang dicetak ialah :<sup>108</sup>:

1. *Al-'Adhka:r* (dinamakan *Hilyat al-'Abra:r*)<sup>109</sup>

---

<sup>105</sup> Ensiklopedia Islam (2004), *op.cit*, h.23. Pandangan ini bercanggah dengan pandangan ^Abd al-Ghani: al-Daqr yang menyatakan Imam al-Nawawi: mula menulis setelah beliau tinggal di Damsyik selama 10 tahun (semasa beliau berusia 29 tahun berdasarkan pandangan yang menyatakan beliau tiba di Damsyik semasa berusia 19 tahun). Lihat al-Daqr (1987), *op.cit*, h.73.

<sup>106</sup> al-Daqr (1987), *Ibid*, h.73.

<sup>107</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1987), Ensiklopedia Sejarah Islam. Bangi: UKM, h. 971.

<sup>108</sup> Al-Nawawi: (1982), *op.cit*, h.27-28.

<sup>109</sup> 'Ibn al-^Atta:r (1991), *op.cit*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

2. *Al-'Arba<sup>c</sup>u:n Hadi:than al-Nawawiyyat*<sup>110</sup>
3. *Al-'Isha:ra:t 'Ila: Baya:n 'Asma:' al-Mubhamat min Rija:l al-Hadi:th*<sup>111</sup>
4. *Al-<sup>c</sup>Iddat fi: al-Mana:sik*<sup>112</sup>
5. *Busta:n al-<sup>c</sup>A:rifī:n*<sup>113</sup>
6. *Al-Tibya:n Fi: 'Adab Hamlat al-Qur'a:n*<sup>114</sup>
7. *Tashi:h al-Tanbi:h Fi: al-Fiqh al-Sha:fi<sup>c</sup>i:* (Al-Zarkali: pengarang kitab *al-'Ila:m* berpendapat bahawa nama asal kitab ini ialah *al-Tanbi:h* <sup>c</sup>Ala: Ma: Fi: *al-Tanbi:h*)<sup>115</sup>
8. *Al-Taqri:b Wa al-Taysi:r Fi: Mustalah al-Hadi:th*<sup>116</sup>
9. *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lugha:t*<sup>117</sup>
10. *Al-Daqa:'iq*<sup>118</sup>
11. *Raudat al-Ta:libi:n Fi: al-Fiqh*<sup>119</sup>
12. *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n*<sup>120</sup>
13. *Sharh al-Muhadhdhab Li al-Shi:ra:zi:* (kitab *al-Majmu:<sup>c</sup>*)<sup>121</sup>
14. *al-Maqa:sid Fi: al-<sup>c</sup>Aqi:dat Wa al-Tawhi:d*
15. *Mana:r al-Huda: Fi: al-Waqf Wa al-'Ibtida:' Fi: al-Tajwi:d*
16. *Al-Manthu:ra:t Fi: al-Fiqh*
17. *Minha:j al-Ta:libi:n*<sup>122</sup>
18. *Al-Minha:j Fi: Sharh Sahi:h Muslim*(Ia mempunyai 5 jilid)<sup>123</sup>

<sup>110</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>111</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45.

<sup>112</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>113</sup> al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>114</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

<sup>115</sup> al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>116</sup> *Ibid*, h.75.

<sup>117</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h.45.

<sup>118</sup> al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

<sup>119</sup> *Ibid*, h.75.

<sup>120</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>121</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.46.

<sup>122</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

<sup>123</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

2) Karya-karya beliau yang ditulis ataupun hilang ialah :<sup>124</sup>

1. *Al-'Irsha:d*<sup>125</sup>
2. *Al-'Ija:z*<sup>126</sup>
3. *Tahri:r al-Fa:z al-Tanbi:h*<sup>127</sup>
4. *Al-Tarkhi:s Fi: al-Qiya:m Li 'Ahl al-Fadl*<sup>128</sup>
5. *Jami<sup>c</sup> al-Sunnat* (Sebahagiannya)
6. *Khula:sat al-'Ahka:m Min Muhimma:t al-Sunan Wa Qawa:cid al-'Isla:m*
7. *Sharh al-Bukha:ri:* (Sebahagiannya)<sup>129</sup>
8. *Sharh al-Tanbi:h* (Sebahagiannya)<sup>130</sup>
9. *Sharh Sunan 'Abi: Da:wud* (Sebahagiannya)<sup>131</sup>
10. *Sharh al-Wasi:t* (Sebahagiannya)
11. *Tabaqa:t al-Fuqaha:*<sup>132</sup>
12. *Mukhtasar 'Asad al-Gha:bat*<sup>133</sup>
13. *Mukhtasar al-Tibya:n Wa al-Mawa:iz* (yang asli)
14. *Mukhtasar Tabaqa:t al-Sha:fi:c iyyat Li 'Ibn Salah*
15. *Manaqib al-Sha:fi:c iyyat*<sup>134</sup>

Selain daripada senarai yang tersebut di atas, terdapat beberapa karya beliau yang lain disenaraikan oleh <sup>c</sup>Abd al-Ghani: al-Daqr dalam kitabnya *al-'Imam al-Nawawi:* dan *'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r* dalam kitabnya *Tuhfat al-Ta:libi:n*. Berikut adalah senarai tersebut.

<sup>124</sup> Al-Nawawi: (1982), *op.cit*, h. 28-29

<sup>125</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

<sup>126</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45.

<sup>127</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *Ibid*, h.45. Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

<sup>128</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>129</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h.46.

<sup>130</sup> *Ibid*, h.46.

<sup>131</sup> *Ibid*, h.46.

<sup>132</sup> *Ibid*, h.46.

<sup>133</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.75.

<sup>134</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

- 1) Senarai karya Imam al-Nawawi: yang tidak disebut oleh Sheikh 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh namun ia disebut oleh <sup>c</sup>Abd al-Ghani: al-Daqr. Antaranya ialah :<sup>135</sup>
1. *al-Tahqi:q*<sup>136</sup>
  2. *al-Fata:wa:*<sup>137</sup>
  3. *'Adab al-Mufti: Wa al-Mustafti:*
  4. *Mukhtasar 'A:da:b al-'Istisqa:'*
  5. *Ru'u:s al-Masa:'il*
  6. *Tuhfat Tulla:b al-Fada:'il*
  7. *Mas'alat Takhmi:s al-Ghana:'im*<sup>138</sup>
  8. *Mukhtasar al-Tadhni:b*
  9. *Mas'alat Niyyat al-'Ightira:f.*
- 2) Senarai karya Imam al-Nawawi yang tidak disebut oleh Sheikh 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh demikian juga <sup>c</sup>Abd al-Ghani: al-Daqr namun ia disebut oleh 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r. Antaranya ialah :<sup>139</sup>
1. *Al-Taysi:r Fi: Mukhtasar al-'Irsha:d Fi: ^Ulu:m al-Hadi:th*
  2. *Al-^Umdat fi: Sahi:h al-Tanbi:h*
  3. *Al-Mana:sik al-Tha:lith Wa al-Ra:bi^c Wa al-Kha:mis Wa al-Sa:dis.*
  4. *Kita:b al-Qiya:m*
  5. *Al-Raudat fi: Mukhtasar Sharh al-Ra:fi^c i:*
  6. Sebahagian daripada kitab *al-'Isna:d ^Ala: Hadi:th al-'A^ma:l Bi al-Niyyat*
  7. Sebahagian daripada kitab *al-'Ihka:m.*

---

<sup>135</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.75.

<sup>136</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h.46.

<sup>137</sup> *Ibid*, h.46.

<sup>138</sup> *Ibid*, h. 45.

<sup>139</sup> *Ibid*, h. 45-46.

## **2.1.7 Kepakaran dan Sumbangan al-Nawawi: dalam Bidang Keilmuan**

### **2.1.7.1 Kepakaran dan Sumbangan al-Nawawi: kepada Hadis**

Ahli hadis sejak dari kurun yang pertama lagi telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengasingkan hadis Rasulullah s.a.w samada sahih, hasan, daif, *mu'tal* atau *mawdu:*<sup>c</sup>. Sebagai contoh Imam al-Bukha:ri: telah mengeluarkan 4,000 hadis tanpa berulang daripada himpunan hadis berjumlah 600,000 hadis. Demikian juga Imam Muslim. Imam 'Ahmad pula telah mengeluarkan sebanyak 30,000 hadis di dalam *Musnadnya* daripada 750,000 hadis. Walaupun demikian *Musnadnya* tidak terlepas daripada hadis-hadis daif. Peredaran waktu tidak pernah sunyi daripada ahli hadis yang sentiasa berusaha dalam bidang tersebut samada dari segi pemahaman, syarahan atau pentashihan. Pada zaman pertengahan Islam terdapat ulama dalam bidang tersebut seperti 'Ibn Sala:h, Imam al-Nawawi:, al-Miziyy, al-Dhahabiyy dan 'Ibn Hajar al-

<sup>c</sup>Asqala:ni. Imam al-Nawawi: merupakan ulama yang paling istimewa dari kalangan ulama-ulama tersebut kerana beliau mendalamai ilmu Fiqh dan ilmu al-Hadi:th.<sup>140</sup>

Kebiasaan ulama terdahulu termasuk ahli hadis tidak menjelaskan sumber hadis dengan jelas dalam karya-karya tulisan mereka, demikian juga mereka tidak menyatakan kedudukan hadis samada sahih atau daif. Keadaan ini berlarutan sehingga muncul Imam al-Nawawi:. Beliau telah membincangkan hadis, menjelaskan sumbernya dan menyatakan kedudukan hadis dari segi kesahihannya dalam karya-karya beliau dalam bidang Fiqh.<sup>141</sup>

Kealiman beliau dalam bidang hadis mencakupi semua ilmu hadis. Beliau menguasai ilmu tersebut setara dengan ulama-ulama besar pada zamannya sebagaimana terbukti pada karya-karaya tulisan beliau dalam bidang fiqh dan hadis. Sebagai contoh dalam

---

<sup>140</sup> al-Daqr (1987), *op.cit*, h.53-54.

<sup>141</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.20, dipetik dari Muhammad bin Sulayma:n al-Kurdi: al-Madani:(1938), *al-Fawa:'id al-Madaniyyat Fi: Baya:n 'Ikhtila:f al-'Ulama:' al-Sha:fi'iyat*, c.1. ttp : Matba:<sup>C</sup>at Mustafa: al-Ba:b al-Halabi:, h.26.

bidang *mustalah al-hadi:th* beliau telah meringkaskan kitab ‘*Ulu:m al-Hadi:th* karangan ’Ibn Sala:h. Beliau menamakan ringkasan tersebut dengan nama *al-'Irsha:d*. Demikian juga kitab *al-Taqrī:b* yang merupakan ringkasan kitab *al-'Irsha:d*. Selain dari itu, beliau juga mensyarahkan mukadimah *Sahi:h Muslim* berkaitan dengan ilmu *Mustalah al-Hadi:th*.<sup>142</sup>

Kealiman dan ketokohan beliau dalam bidang hadis mendapat perakuan dan pengiktirafan para ulama. Imam al-Dhahabi: dalam kitabnya *al-Tadhkirat* menyatakan:

Imam al-Nawawi selain dari merupakan seorang yang sentiasa bermujahadah terhadap dirinya, beramal dengan sifat-sifat warak dan muraqabah serta membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela, beliau adalah seorang hafiz dalam bidang hadis, ilmu hadis, sanad-sanad hadis, kesahihan dan kedaifan hadis.<sup>143</sup>

Antara kitab-kitab hadis yang dibaca dalam pengajiannya ialah : *Sunan Sittat*, *al-Muwatta'*, *Musnad 'Ahmad*, *Musnad al-Sha:fti:;*, *Musnad al-Da:rīmī:;*, *Musnad 'Abū Ya:la:;*, *Sahīh 'Abū Awa:nat*, *Sunan al-Daraqutni:;*, *Sunan Bayhaqi:;* dan *Sunan al-Baghawi:.*<sup>144</sup> Beliau meriwayatkan kitab-kitab yang terkenal dengan sanad teratas sampai kepada para pengarang.<sup>145</sup> Ini ternyata beliau menerima ilmu secara bersanad sebagaimana para ulama sebelumnya.

Selain dari menguasai ilmu-ilmu hadis, beliau juga alim dalam bidang *fiqh al-hadi:th* yang jarang dikuasai ulama-ulama lain yang sezaman dengannya. Ini kerana kebanyakan ulama hadis pada zaman tersebut lebih memberi perhatian terhadap pengumpulan hadis, ulasan terhadapnya, pengenalan sanad-sanad hadis dan perlumbaan mereka dalam mendapatkan sanad teratas. Mana-mana hadis yang mempunyai bilangan sanad yang sedikit serta memenuhi syarat bersambung kepada Rasulullah s.a.w maka ia

<sup>142</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.59.

<sup>143</sup> Al-Dhahabi: (1958), h. 4/1472.

<sup>144</sup> Al-Tanta:wi: (1979), *op.cit*, h.17.

<sup>145</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.56.

dianggap paling bernilai, kerana ia lebih hampir kepada kesahihan. Dalam permasalahan ini Imam 'Ahmad bin Hambal memuji Imam Syafii dengan ungkapan :

Tanpa Imam Syafii kami tidak mengenali *fiqh al-hadi:th*

Imam al-Nawawi: tidak menyembunyikan ilmunya dalam bidang hadis demikian juga dalam bidang *fiqh al-hadi:th*. Beliau mempunyai beberapa orang guru dalam bidang ini, antaranya ialah Sheikh *al-Muhaqqiq* 'Abu: 'Isha:q 'Ibra:hi:m bin 'I:sa: al-Mura:di: al-'Andalu:si: al-Sha:fi'i:. Beliau merupakan guru kepada Imam al-Nawawi: dalam mensyarahkan kitab *Sahi:h Muslim*, sebahagian besar kitab *Sahi:h al-Bukha:ri:* dan himpunan di antara *Sahi:h al-Bukha:ri:* dan *Sahi:h Muslim* karangan al-Hami:di:.<sup>146</sup>

Perlu dinyatakan di sini bahawa keilmuan dan kesarjanaan Imam al-Nawawi: dalam bidang hadis dan fiqah di samping bidang-bidang yang lain tidak menyumbang kepada penglibatan beliau dalam bidang tafsir al-Quran al-Kari:m secara langsung. Tidak terdapat hasil karya beliau dalam bidang tafsir. Bagaimanapun penglibatan beliau dalam pentafsiran al-Quran jelas kelihatan dalam kitabnya *Sharh Muslim* dan *Fata:wa: al-'Ima:m al-Nawawi:* yang dikumpul oleh muridnya Sheikh 'Ala:' al-Di:n 'Ibn al-'Atta:r. Dalam kedua-dua kitab tersebut ayat-ayat al-Quran ditafsirkan dengan jelas.<sup>147</sup>

#### **2.1.7.2 Kepakaran dan Sumbangan Imam al-Nawawi: dalam Bidang Fiqah**

Semasa Negara Islam telah mencapai kegemilangan dengan pembukaan negara-negara di Timur dan Barat oleh para sahabat dengan arahan daripada *al-Khulafa:*' *al-Ra:shidi:n*, Khalifah 'Uthma:n bin 'Affa:n telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengumpul al-Quran. Hasil dari usaha beliau maka tertulislah naskhah al-Quran yang pertama dan tersebar keseluruh pelusuk Negara Islam pada zaman itu. Berikutnya pada awal kurun yang pertama, khalifah Umar bin 'Abd al-'Azi:z telah memberi perhatian

---

<sup>146</sup> *Ibid*, h.60-61.

<sup>147</sup> Mohd Zawawi Abdullah (1990), "Imam Nawawi *Mufassir* berdasarkan kitab *al-Tafsi:r* dalam *Sharh Muslim*" (Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan ke 3 Anjuran Bahagian Hal ehwal Islam, JPM, Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana, 50519 KL).

dalam pengumpulan dan pembukuan hadis Rasulullah s.a.w. Setelah Negara Islam mencapai kemajuan dan ketamadunan hasil dari keteguhan singgahsana kerajaan dan hubungan dengan bangsa-bangsa lain, maka Negara Islam menjadi pasaran ilmu yang laris, lebih-lebih lagi di bandar-bandar bersejarah dan pusat-pusat pemerintahan. Hal ini membawa kepada lahirnya institusi-institusi hadis yang terkenal yang dipelopori oleh penulis *al-Kutub al-Sittat* dan sebahagian daripada ulama hadis yang agung selepas mereka. Demikian juga ia membawa kepada lahirnya institusi-institusi fiqah empat mazhab yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafii dan Imam Ibn Hambal.<sup>148</sup>

Sejarah telah memaparkan ramai di kalangan fuqaha yang berpegang teguh dengan pandangan institusi fiqah tersebut, demikian juga dengan pandangan murid-murid mereka terdahulu. Selain dari itu sejarah juga memaparkan situasi di sebaliknya, di mana tidak ramai di kalangan fuqaha yang bersikap sederhana dan anjal dalam pandangan mereka terhadap institusi-institusi fiqah tersebut dan institusi-institusi fiqah yang lain. Mereka menjauhi daripada *ta'assub* dan ekstrim. Antara mereka ialah Imam al-Nawawi:. Beliau telah mendapat pujian dan sanjungan daripada pengikut-pengikut empat mazhab ahli Sunah Waljamaah. Hampir setiap rumah muslim mempunyai kitab karangan beliau seperti *Riya:d al-Sa:lihi:n*, *al-'Adhka:r* dan *Matan al-'Arba'i:n al-Nawawiyat*. Demikian juga hampir setiap perpustakaan milik ilmuwan atau pengkaji atau penuntut ilmu yang bersungguh-sungguh mempunyai kitab karangan beliau yang agung dalam bidang hadis, fiqah dan bahasa Arab seperti *al-Majmu:c Sharh al-Muhadhdhab*, *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lughat*, *Sharh Sahih Muslim*, *Rawdat al-Ta:libi:n* dan sebagainya. Kesederhanaan beliau dalam masalah fiqah amat jelas dalam fatwa-fatwa beliau yang telah dikumpul dan disusun berdasarkan masalah fiqah oleh

<sup>148</sup> "Ula:" al-Di:n 'Abu: al-Hasan "Ali: bin 'Ibra:hi:m bin Da:wud 'Ibn al-Atta:r (1999), *Fata:wa: al-'Ima:m al-Nawawi:*, Tahkik dan *takhri:j* hadis-hadisnya oleh Mahmu:d al-'Arna:u:t. Demikian juga takdim dan ulasan. Damsyik : Da:r al-Fikr, h. dan .

muridnya yang setia ‘Ula:’ al-Di:n bin al-‘Atta:r dalam kitabnya *al-Fata:wa:*. Kitab *al-Fata:wa:* telah mendapat tempat dan perhatian di kalangan ulama semenjak ia disusun hingga ke hari ini.<sup>149</sup>

Imam al-Nawawi: telah mempelajari ilmu *Fiqh al-Sha:fi‘i:* daripada ulama-ulama terkenal pada zamannya. Pada masa yang singkat beliau telah menghafaz fiqah, mendalaminya, mengetahui kaedah-kaedah dan usulnya dan memahami rahsia-rahsia serta menguasai dalil-dalilnya sehingga beliau mengetahui *al-‘A:mmat* dan *al-Kha:ssat*. Dalam masa yang singkat beliau telah menjadi ulama yang paling alim pada zamannya dan layak bergelar *muharrir al-madhab* (editor doktrin).<sup>150</sup> Beliau telah mencapai darjat mujtahid mutlak sebagaimana dinyatakan sebelum ini.<sup>151</sup> Al-’Asnawi: telah memberi sanjungan kepada Imam al-Nawawi: sebagai pengulas, pengkritik dan penyusun pendapat mazhab-mazhab.<sup>152</sup>

Imam al-Nawawi: dianggap sebagai seorang *murajjih*, iaitu seorang yang mengutamakan satu pendapat yang dipilihnya di antara beberapa pendapat Imam Shafii atau pendapat fuqaha mazhabnya dalam masalah tertentu. Pengutamaannya itu adalah berdasarkan kepada dalil pendapat tersebut mengikut pandangannya sendiri.<sup>153</sup> Selain dari itu beliau seringkali mendatangkan pandangan dari beberapa mazhab termasuk mazhab Syafii lalu mentarjihkan pandangan tersebut dengan merujuk kepada hadis.<sup>154</sup>

<sup>149</sup> *Ibid*, h. . .

<sup>150</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.48.

<sup>151</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h.

<sup>152</sup> Jama:l al-Di:n ‘Abd al-Rahi:m al-’Asnawi: (1987), *Tabaqat al-Sha:fi‘iyat*; j.2, c.1. Beirut: Da:r al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h. 266.

<sup>153</sup> al-Ya:fi‘i: (1970), *op.cit*, h. 4/185.

<sup>154</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.47.

Antara contoh pentarjihan beliau terhadap pandangan-pandangan mazhab Syafii ialah masalah *qada:*' puasa untuk orang yang telah meninggal. Dalam masalah ini beliau menyatakan :

Mazhab Syafii mempunyai dua pandangan yang masyhur dalam masalah ini. Pandangan yang pertama menyatakan pada dasarnya tidak sah berpuasa *qada:*' ke atas orang yang telah meninggal. Manakala pandangan yang kedua pula menyatakan bahawa sunat ke atas walinya berpuasa untuknya dan puasa itu sah serta ianya menghapuskan tanggungan orang yang telah meninggal. Pandangan ini merupakan pandangan yang sahih yang kita anuti. Ia merupakan pandangan yang diakui kebenarannya oleh pentahkik-pentahkik mazhab kita yang menghimpunkan di antara fiqah dan hadis ....<sup>155</sup>

Imam al-Nawawi: dan al-Ra:fī'i: terkenal sebagai pentarjih. Pentarjihan mereka diterima baik oleh para fuqaha mazhab. Sekiranya berlaku pertentangan dalam pentarjihan, maka sebahagian fuqaha mazhab bersetuju dengan pendapat al-Ra:fī'i: kerana pada zahirnya beliau lebih dekat kepada *qawa'id al-madhhab*, manakala sebahagian besar fuqaha pula bersetuju dengan pendapat Imam al-Nawawi: kerana beliau lebih dekat kepada hadis sahih dan lebih mengetahui tentang hadis.<sup>156</sup>

Selain dari itu, sekiranya didapati pendapat kedua-duanya mempunyai hujah atau dalil yang sama kuat atau pendapat Imam al-Nawawi: disokong oleh hadis yang boleh dijadikan hujah maka para fuqaha mazhab mengutamakan pendapat al-Nawawi: dari pendapat al-Ra:fī'i: dan sekiranya pendapat kedua-duanya tidak ada dalil lain yang menyokong maka pendapat yang rajih ialah pendapat yang disokong oleh dalil Imam al-Nawawi:.<sup>157</sup>

---

<sup>155</sup>Muhyi: al-Dīn ’Abū Zakariyyā: Yahyā: al-Nawawi:(1987), *Sahi:h Muslim Bi Sharh al-Nawawi:*; j.8, c.1. Kaherah : Da:r al-Rayya:n Li al-Tura:th, h. 25.

<sup>156</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.51.

<sup>157</sup> Al-Ya:fī'i: (1970), *op.cit*, h 185.

Dalam hal yang lain terdapat pandangan Imam al-Nawawi: bertentangan dalam beberapa buah kitab karangan beliau. Dalam masalah ini dirujuk kepada kaedah “pandangan yang terkemudian menasakhkan pandangan terdahulu”.<sup>158</sup>

### **2.1.7.3 Kepakaran dan Sumbangan Imam al-Nawawi: kepada Bahasa Arab**

Imam al-Nawawi: bertanggapan bahawa pemahaman al-Quran dan hadis, hukum daripada keduanya, demikian juga ungkapan-ungkapan para ulama tidak dapat dikuasai tanpa penguasaan bahasa Arab. Selain dari tanggapan, beliau juga menggalakkan usaha ke arah pencapaian tersebut.<sup>159</sup> Dalam mukadimah kitab *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lugha:t* beliau menjelaskan kepentingan bahasa Arab dan perhatian para sahabat Rasulullah s.a.w dan tabiin terhadap bahasa tersebut. Di samping itu beliau juga menjelaskan galakan Imam Syafii dalam pembelajaran bahasa Arab.<sup>160</sup> Sheikh <sup>c</sup>Abd al-Ghani: al-Daqr dengan tegas menyatakan penguasaan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab mengatasi ulama-ulama lain yang sezaman dengannya, bahkan beliau merupakan pakar dan penganalisis bahasa Arab.<sup>161</sup>

Antara kitab beliau yang terkenal dalam bidang bahasa Arab ialah kitab *Tahri:r al-Tanbi:h*. Kitab ini menyerupai kitab *al-Misba:h al-Muni:r Fi: Ghari:b Sharh al-Kabi:r* yang merupakan ulasan kepada lafaz-lafaz yang kabur dalam kitab fiqah mazhab Syafii. Bagaimanapun kitab *al-Tanbi:h* merupakan ringkasan yang meliputi segala permasalahan, manakala kitab *al-Misba:h* pula mempunyai keistimewaan dari segi susunannya bardasarkan huruf *mu<sup>c</sup>jam* dan bilangan perbendaharaan katanya yang banyak. Selain dari kitab *Tahri:r al-Tanbi:h*, kitab *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lugha:t* juga merupakan kitab karangan Imam al-Nawawi: yang popular. Ia merupakan kitab

<sup>158</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.52. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.189-190.

<sup>159</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h.62.

<sup>160</sup> *Ibid*, h.63-64.

<sup>161</sup> *Ibid*, h.62.

yang dihasilkan bagi menjelaskan nama-nama dan bahasa dalam kitab-kitab fiqah yang besar dan diperakui dalam mazhab Syafii. Antara kitab-kitab tersebut ialah : *Mukhtasar al-Mazani*: , *al-Muhadhdhab* dan *al-Tanbi:h* karangan ’Abu: ’Isha:q al-Shi:ra:zi:, *al-Wasi:t* dan *al-Waji:z* karangan Imam al-Ghaza:li: dan kitab *al-Rawdat* karangan Imam al-Nawawi:.<sup>162</sup>

Kitab *Tahri:r al-Tanbi:h* dan kitab *Tahdhi:b al-’Asma:*’ Wa *al-Lugha:t* menggambarkan penguasaan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab yang sukar ditandingi ulama sezaman dengannya.<sup>163</sup> Di sini dapat disimpulkan bahawa penguasaan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab merupakan asas yang kuat mendorong beliau menguasai ilmu-ilmu lain, seperti fiqah dan hadis. Situasi seperti ini menjadi tradisi para ulama zaman silam sebagaimana yang dilalui Imam Syafii.

#### **2.1.8 Percubaan Imam al-Nawawi: dalam Mempelajari Perubatan**

Imam al-Nawawi: pada awalnya cuba menyahut galakan dan dorongan Imam Syafii dalam mempelajari perubatan. Namun hasrat beliau itu tidak kesampaian kerana ia tidak bertepatan dengan naluri beliau yang suka kepada ilmu yang menjadi perantaraan secara langsung ke akhirat. Oleh yang demikian beliau tidak berminat mempelajari perubatan dan merasakan kegelapan menyelubungi hatinya apabila cuba mempelajarinya. Keengganannya mempelajari perubatan bukan bermaksud beliau langsung tidak mempunyai maklumat berkaitan perubatan, bahkan beliau mengetahui banyak perkara berkaitan perubatan pada zamannya.<sup>164</sup>

---

<sup>162</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.66-67.

<sup>163</sup> *Ibid*, h. 68.

<sup>164</sup> *Ibid*, h. 69-70.

### **2.1.9 Perwatakan dan Sikap**

Dalam kehidupan sehariannya, beliau menjalani hidup yang sederhana, zuhud, warak, kanaah, reda dan tetap menjaga diri dengan hal-hal dunia. Beliau makan hanya sekali sehari, iaitu selepas sembahyang Isyak begitu juga minum. Dalam ibadah beliau banyak berpuasa, zikir dan wirid.<sup>165</sup>

Imam al-Nawawi: tidak suka kepada perdebatan bahkan beliau mengelakkan diri daripada orang-orang yang suka berdebat. Selain dari itu, beliau menjauhkan diri daripada kekerasan para fuqaha dalam kajian mereka. Beliau lebih suka menyelesaikan permasalahan dengan kata-kata yang tenang.<sup>166</sup>

Perhatiannya terhadap keadaan sosial sangat besar. Beliau adalah pembimbing yang berkesan bagi mereka yang baru belajar agama, bertanggungjawab menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran, membimbing para pemimpin, orang-orang yang zalim dan ingkar kepada agama. Beliau melarang peduduk Syam(kini Syria) memakan buah-buahan yang dinilainya *shubhat* lantaran perselisihan para ulama tentang perkara tersebut.<sup>167</sup>

Beliau mempunyai 3 sifat yang menggambarkan keagungan dan kemuliaan. Sifat-sifat tersebut ialah :

1. Ilmu pengetahuan dan pelaksanaan kewajipan terhadap ilmu.
2. Zuhud terhadap dunia dalam segala perkara.
3. Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.<sup>168</sup>

---

<sup>165</sup> Ensiklopedia Islam(2004), *op.cit*, h. 22 – 23.

<sup>166</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.50.

<sup>167</sup> Ensiklopedia Islam(2004), *op.cit*, h. 23.

<sup>168</sup> Al-Nawawi: (1982), *op.cit*, h. 21-22.

### **2.1.10 Kekeramatan Imam al-Nawawi:**

Keberkatan dan kekeramatan adalah merupakan anugerah Allah SWT kepada orang-orang saleh. Imam al-Nawawi: seorang ulama yang bertaqwah mempunyai keberkatan dan kekeramatan tersendiri. Kekeramatan beliau dapat dilihat dalam beberapa kisah sebagaimana dipaparkan dalam sejarah kehidupan beliau.

Diceritakan bahawa jari-jari beliau bercahaya semasa menulis dalam keadaan ketiadaan lampu.<sup>169</sup> Kekeramatan ini mungkin disebabkan keikhlasan beliau dalam penulisan dan penyebaran risalah Allah SWT.

Semasa kontroversi berlaku di antara beliau dan sultan berkaitan dengan fatwa yang tidak menepati kehendak sultan berhubung dengan hasrat kerajaan mengambil harta rakyat untuk tujuan peperangan. Sultan amat murka terhadap pendirian Imam al-Nawawi: yang tidak menyokong hasrat kerajaan. Baginda ditanya kenapa tidak membunuh Imam al-Nawawi:. Baginda menceritakan bahawa setiap kali baginda berhasrat membunuhnya kelihatan dua ekor singa berada di atas lehernya sedang bersedia untuk menerkam baginda. Lalu hasrat itu diketepikan.<sup>170</sup>

Dalam kisah yang lain, Sheikh Waliyy al-Di:n 'Abu: al-Hassan <sup>c</sup>Ali: menceritakan beliau pernah dikunjungi Imam al-Nawawi: semasa sakit. Beliau dinasihatkan supaya bersabar menghadapi ujian itu. Kesakitan itu mula hilang sedikit demi sedikit di sepanjang percakapan Imam al-Nawawi: dan akhirnya kesakitan itu hilang sepenuhnya seolah-seolah beliau tidak pernah sakit sebelum ini.<sup>171</sup>

---

<sup>169</sup> Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.7.

<sup>170</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.144-145.

<sup>171</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Atta:r (1991), *op.cit*, h. 43-44. Lihat juga Al-Daqr (1987), *op.cit*, h. 132.

Daripada kisah-kisah di atas dapat disimpulkan bahawa Imam al-Nawawi: merupakan seorang ulama yang mempunyai jiwa yang bersih dan hampir kepada Allah SWT. Selain dari kekeramatannya beliau yang sukar didapati pada kebanyakan ulama, keberkatan beliau juga amat dirasai pada karya-karya tulisan beliau yang sentiasa subur sepanjang zaman.

### **2.1.11 Peranannya dalam Masyarakat**

Peranan seseorang dalam masyarakat berkait rapat dengan keperibadian, kebolehan dan kedudukannya dalam masyarakat tersebut. Imam al-Nawawi: seorang ulama yang mempunyai keperibadian yang luhur dan kedudukan yang tinggi dari segi keilmuan memainkan peranan penting dalam masyarakat. Sejarah membuktikan pengaruh dan sumbangannya merentasi sempadan tempat dan masa. Secara lebih dekat peranan beliau dalam masyarakat dapat dilihat dalam perkara-perkara berikut:

#### **1. Pengajaran**

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, semasa beliau berusia 34 tahun(665 H) selepas Imam 'Abu: Sha:mat, beliau dilantik sebagai guru di *Da:r al-Hadi:th al-'Ashrafiyyat* di Damasyik dan bandar-bandar lain tanpa menerima imbuhan atau gaji. Beliau telah melahirkan cendikiawan Islam yang menjadi benteng kekuatan Islam dan pewaris ulama sebelumnya. Dari senarai murid-muridnya yang telah dinyatakan sebelum ini dapat disimpulkan bahawa institusi pendidikan Imam al-Nawawi: merupakan institusi pendidikan Islam yang unggul dan berjaya.

#### **2. Penulisan**

Hasil karya beliau dalam pelbagai ilmu telah menjadi rujukan utama para ulama sezaman dengannya khususnya pengikut-pengikut mazhab Syafii, bahkan ia menjadi rujukan sepanjang zaman. Dengan demikian hasil karya beliau dapat memberi kefahaman kepada masyarakat dalam pelbagai bidang berkaitan Islam. Hal ini dapat

menangkis fahaman-fahaman yang salah tentang Islam dan serangan-serangan pemikiran musuh-musuh Islam.

### 3. Keperibadian

Keperibadian merupakan sesuatu yang mencorakkan kewibawaan seseorang. Imam al-Nawawi: merupakan seorang ulama yang mempunyai keperibadian yang tinggi dan berwibawa. Keperibadian beliau yang berasaskan ketakwaan dan keilmuan banyak mempengaruhi murid-muridnya dan masyarakat. Kezuhudan dan kewarakan beliau menjadi ikutan dan contoh teladan masyarakat. Keikhlasan beliau dalam menyampaikan mesej risalah Ilahi menjadikan tugas beliau dalam bidang perguruan dan penulisan berkesan dan mempunyai keberkatan. Hal ini dirasai umat Islam seluruhnya, dahulu dan sekarang.

### 4. Keperihatinan terhadap masyarakat dan Negara

Sikap perihatin dan sensitif terhadap urusan masyarakat merupakan salah satu ciri orang-orang yang beriman. Dalam hal ini Allah SWT berfirman :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُواۤ ...

Maksudnya :

Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara...

Surah al-Hujura:t (49) : 10.

Sebagai ulama agung, Imam al-Nawawi: amat peka terhadap urusan masyarakat pada zamannya. Keperihatinan beliau terhadap masyarakat kelihatan pada penglibatan beliau dalam bidang perguruan dan penulisan sebagaimana dinyatakan sebelum ini. Selain dari itu, beliau seringkali memberi nasihat kepada masyarakat umum, para ulama dan juga para pemimpin.

Kisah kesungguhan dan keberanian beliau dalam memberi teguran dan nasihat kepada pemimpin dipaparkan dalam lembaran sejarah kehidupan beliau. Mungkin perjuangan beliau dalam menegakkan kebenaran di samping penglibatan beliau dalam bidang

perguruan dan penulisan boleh dianggap sebagai gantian kepada perjuangan dan jihad di medan pertempuran menentang tentera-tentera Salib dan Monggolia pada masa itu yang merupakan fardu kifayah.

Antara kisah beliau dalam memberi nasihat kepada pemimpin ialah kisah berhubung dengan pemilikan harta orang ramai di sekitar Damsyik yang dibebaskan daripada kekuasaan tentera-tentera Monggolia. Kisah bermula apabila Sultan telah melantik penjaga Baitulmal Negara seorang yang bermazhab Hanafi:. Penjaga itu menegaskan bahawa harta itu adalah milik Sultan berdasarkan mazhab 'Abu Hanifah. Lalu Sultan menguasai harta-harta tersebut yang dahulunya milik orang ramai. Dengan itu maka sekumpulan ahli ilmu termasuk Imam al-Nawawi: menentang tindakan tersebut.<sup>172</sup> Demikianlah keberanian beliau dalam menegakkan kebenaran. Beliau menghadapi raja-raja dan penguasa-penguasa yang zalim dengan teguran-teguran yang tegas tanpa takut kepada celaan. Sekiranya pertemuan dan bersemuka tidak mendatangkan hasil maka beliau akan mengutus surat.<sup>173</sup>

Dalam kisah yang lain diceritakan, beliau pernah menulis surat kepada baginda Sultan menerangkan keadaan negeri Syam pada masa itu yang berada dalam keadaan tidak stabil akibat kesempitan hidup rakyat dan kenaikan harga barang yang melambung tinggi. Selain dari itu, beliau mengemukakan cadangan agar masalah tersebut dapat diselesaikan. Malangnya nasihat dan cadangan beliau diketepikan, malah beliau dipandang serong.<sup>174</sup>

Selain dari kisah-kisah di atas, diceritakan bahawa Sultan al-Malik al-Zahir setelah mengadakan persiapan memerangi tentera-tentera Tartar baginda menggunakan fatwa-

<sup>172</sup> Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.143-144.

<sup>173</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1999), *op.cit*, h.50. Lihat juga al-Sakha:wi: (1935), *op.cit*, h.40.

<sup>174</sup> 'Ibn al-'Atta:r (1999), *Ibid*, h.51-52. Lihat juga al-Sakha:wi: (1935), *Ibid*, h.40-41.

fatwa ulama bagi mengharuskan pengambilan harta-harta rakyat untuk kepentingan peperangan menentang musuh. Ulama Syam telah mengutus surat kepada baginda menerangkan fatwa tersebut. Bagaimanapun baginda tidak berpuas hati dengan fatwa tersebut tanpa penglibatan Imam al-Nawawi:. Lalu Imam al-Nawawi diperintah supaya memberi fatwa tentang perkara tersebut. Pada mulanya Imam al-Nawawi: enggan memberi fatwa. Setelah diminta memberi penjelasan tentang keengganan beliau, maka beliau menjelaskan pendirian beliau tentang perkara tersebut. Beliau berfatwa bahawa pihak Sultan tidak boleh mengambil harta rakyat untuk tujuan peperangan selama mana baginda masih berupaya membiayai peperangan tersebut dengan harta dan kekayaan yang dimiliki baginda. Sultan al-Malik al-Zahir amat murka dengan keputusan Imam al-Nawawi:. Baginda mengeluarkan perintah agar Imam al-Nawawi: keluar dari Damsyik. Dengan pengusiran tersebut beliau telah meninggalkan Damsyik dan kembali ke Nawa: dengan hati yang amat sedih. Beliau telah dipujuk oleh para ulama Syam supaya kembali ke Damsyik, namun beliau bertekad untuk tidak kembali ke sana selama Sultan al-Malik al-Zahir masih hidup.<sup>175</sup>

Di sebalik kisah-kisah di atas dapat disimpulkan bahawa Imam al-Nawawi: merupakan seorang yang amat perihatin terhadap urusan masyarakat, berani dalam menegakkan kebenaran dan ikhlas dalam bertindak. Keikhlasan beliau dapat dilihat dengan lebih jelas apabila beliau cuba membela para fuqaha yang dilarang oleh pihak pemerintah agar tidak mengajar lebih dari satu institusi pengajian. Beliau telah mengutus surat kepada pihak berkenaan sebagai nasihat dan bantahan terhadap arahan tersebut. Tindakan beliau ini lebih mementingkan kepentingan umum dan para pendidik pada masa itu kerana beliau sendiri tidak menerima gaji dan habuan dalam menjalankan tugas

---

<sup>175</sup> 'Ibn al-'Attar (1999), *Ibid*, h.53-55. Lihat juga al-Sakha'wi: (1935), *Ibid*, h.42-43. Lihat juga al-Daqr (1987), *op.cit*, h.144-145.

sebagai seorang guru. Sekiranya habuan itu terpaksa diterima maka beliau akan memanfaatkannya bagi pembelian buku atau rumah untuk diwakafkan.<sup>176</sup>

### **2.1.12 Pengaruh Imam al-Nawawi: Terhadap Masyarakat Malaysia**

Dunia Islam amnya mengakui ketokohan, kesarjanaan dan kewibawaan Imam al-Nawawi: sebagai seorang ulama yang menjadi teras dan pendokong kepada mazhab Syafii. Kedudukannya sebagai mujtahid mutlak dan pentarjih kepada pandangan mazhab Syafii bersama Imam al-Ra:f'i: di samping kepakaran beliau dalam pelbagai ilmu yang merangkumi bidang fiqah, hadis, tasawuf dan bahasa Arab serta *al-tara:jum* membayangkan kesarjanaan dan kealimannya. Kewibawaan beliau dalam bidang keilmuan banyak mempengaruhi masyarakat Islam khususnya pengikut-pengikut mazhab Syafii. Pengaruh ini dirasai umat Islam di Nusantara, khususnya di Malaysia yang merupakan pengkalan mazhab Syafii dan mazhab Ahli SunahWaljamaah. Pengaruh beliau terhadap masyarakat Malaysia dapat dilihat dalam bidang-bidang berikut :

#### **1. Bidang Hadis**

Pendidikan Islam di Malaysia lahir daripada kemunculan Islam di rantau ini yang bermula di Melaka khasnya dan alam Melayu amnya, iaitu kira-kira pada abad ke-10M atau awal abad ke-11M.<sup>177</sup> Bidang hadis merupakan salah satu cabang pengajian Islam yang telah lama bertapak di Nusantara seiring dengan kedatangan Islam. Pengaruh Imam al-Nawawi: dalam bidang hadis di Malaysia dapat dilihat dengan jelas pada pengaruh dan kesan kitab-kitab karangan beliau. Di sini penulis cuba mendedahkan pengaruh dan kesan kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat* dan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dalam sistem pendidikan tanahair. Pada zaman kegemilangan sistem pondok di sekitar tahun 1909 hingga tahun 1945 naskhah Arab kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat*

<sup>176</sup> Al-Daqr (1987), *Ibid*, h. 165-166. Lihat juga 'Ibn al-'Atta:r (1999), *Ibid*, h.60-61.

<sup>177</sup> Mohd. Taib Osman dan A.Aziz Deraman(2000),*Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.506.

dijadikan buku teks yang penting di antara kitab-kitab hadis yang lain. Pengajaran kitab tersebut berasaskan pemahaman dan hafalan di mana para pelajar didedahkan dengan pemahaman teks hadis secara terperinci dan diminta supaya menghafaz semua hadis-hadis yang terkandung dalam kitab tersebut. Penekanan juga ditumpukan kepada aspek bacaan dengan memberi tanda-tanda baris dan *dabit* serta catatan-catatan penting kepada pelajar. Keadaan yang sama berlaku pada zaman kegemilangan Sekolah Agama atau Sekolah Arab sekitar tahun lima puluhan.<sup>178</sup>

Kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat* bukan sahaja mendapat tempat di institusi-institusi pengajian pada masa itu, bahkan ia masih mendapat tempat di institusi-institusi tersebut pada masa ini. Ia masih menjadi rujukan utama di sekolah-sekolah agama, kolej-kolej Islam dan universiti-universiti tempatan pada masa ini, bahkan ia masih menjadi teks asas dalam pengajian hadis di pondok-pondok dan di sebahagian kolej-kolej Islam dan universiti-universiti tempatan.

Selain dari institusi pengajian, kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat* juga tersebar meluas di kalangan masyarakat umum. Ia menjadi rujukan para pendakwah untuk pengisian majlis-majlis ilmu dan menjadi teks pengajian di sesetengah surau atau masjid.<sup>179</sup>

Dalam aspek yang lain, pengaruh Imam al-Nawawi: juga dapat dilihat pada kesungguhan para ulama tempatan membuat terjemahan dan kupasan terhadap kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat* dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah naskhah yang

---

<sup>178</sup> Pauzi bin Haji Awang(1990), “Imam al-Nawawi: : Pengaruh *Matn 'Arba'i:n* dan *Riad al-Sa:lihi:n* dalam masyarakat Malaysia” (Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan ke 3, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana, 50519 KL), h.13-15.

<sup>179</sup> *Ibid*, h.15-16.

dihasilkan oleh Tuan Guru Mukhtar bin Ahmad bin Muhammad Zain Kelantan yang berjudul *Kitab Kanz al-'Ami:n Fi: Sharh al-'Arba'i:n Min Kala:m Sayyid al- 'A:lami:n* dicetak kali pertama pada tahun 1938M, naskhah Ustaz Mustafa Abdul Rahman (Hadis Empat Puluh), naskhah Asbiran Yaakub (Hadis Empat Puluh), naskhah Muhammad Pauzi Haji Awang (Hadis Empat Puluh). Di antara naskhah-naskhah tersebut naskhah Ustaz Mustafa Abdul Rahman(Hadis Empat Puluh) merupakan naskhah yang paling kemas dan mempunyai kupasan yang luas.<sup>180</sup>

Berhubung dengan pengaruh kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, ia tidak jauh berbeza dari pengaruh kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat* kecuali dalam beberapa perkara. Antaranya, sistem pendidikan pondok dan sekolah-sekolah agama dahulu dan sekarang tidak mewajibkan para pelajar menghafaznya dan penggunaan hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dalam sukatan pelajaran hadis di peringkat institusi pengajian tinggi lebih bersifat pemilihan hadis-hadis tertentu bukan penggunaan kitab sebagai teks mata pelajaran tersebut. Manakala aspek-aspek lain, ia mendapat tempat dan sambutan sebagaimana kitab *al-'Arba'i:n al-Nawawiyyat*. Selain dari itu, para ulama tempatan telah membuat terjemahan dan kupasan terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:* dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1986, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri telah menerbitkan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* jilid I naskhah terjemahan. Ia merupakan hasil terjemahan Unit Quran, Sunnah dan Tafsir Pusat Penyelidikan Islam di bahagian tersebut. Naskhah ini diterbitkan dalam tulisan Jawi. Di antara keistimewaan naskhah ini ialah setiap hadis diberi kesimpulan dan pengajaran yang boleh menambah kefahaman dan pengajaran kepada pembaca. Sementara itu, projek terjemahan tersebut masih diteruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Selain dari usaha

---

<sup>180</sup> *Ibid*, h.13-16.

yang dilakukan oleh para ulama tempatan dalam menterjemahkan kitab ini, ia juga telah diterjemahkan oleh para ulama Indonesia.

Antara naskhah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* terjemahan ulama Indonesia yang tersebar dan popular di Malaysia ialah naskhah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* terjemahan Sheikh Syarif bin Daud al-Bankalisiyy yang dicetak pada tahun 1953. Ia diterbitkan oleh Nahdi Trading Sendirian Berhad Pulau Pinang Malaysia dalam tulisan Jawi tanpa tarikh terbitan. Bagaimanapun ia tidak lengkap dan hanya merangkumi 49 bab, iaitu dari awal kitab hingga Bab ke 49 (Bab Menghukum Manusia Mengikut Zahir Manakala Rahsia Mereka Terserah kepada Allah SWT). Naskhah ini mencakupi lebih kurang  $\frac{1}{4}$  daripada keseluruhan kandungan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan terkandung dalam dua jilid.<sup>181</sup> Selain dari naskhah terjemahan Sheikh Syarif bin Daud al-Bankalisiyy, terdapat naskhah terjemahan lengkap yang dihasilkan oleh H. Salim Bahreish. Naskhah ini diterbitkan di Malaysia buat kali pertama pada tahun 1979 dalam tulisan Rumi, dalam dua jilid.<sup>182</sup> Kedua-dua naskhah terjemahan di atas mendapat sambutan di kalangan masyarakat Malaysia. Ia digunakan sebagai teks pengajaran di masjid-masjid atau surau-surau di samping sebagai rujukan untuk majlis-majlis ilmu.<sup>183</sup>

## 2. Bidang Fiqh

Nusantara khususnya Malaysia dikatakan merupakan rantau yang paling ramai pengikut mazhab Syafii. Terdapat beberapa andaian tentang bagaimana mazhab Syafii mendominasikan pengaruhnya di rantau ini, antaranya ialah rantau ini aman dari persaingan mazhab-mazhab lain, kedatangan Islam ke rantau ini dibawa oleh pendakwah-pendakwah bermazhab Syafii dan para pelajar yang menuntut di Mekah

<sup>181</sup> Muhyi: al-Din 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (t.t), *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n*, Syarif bin Daud al-Bankalisiyy (terj.). Pulau Pinang : Nahdi Trading Sendirian Berhad

<sup>182</sup> Muhyi: al-Din 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1979), *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n*, H. Salim Bahreisj (terj.). Kuala Lumpur : Pustaka Antara

<sup>183</sup> Pauzi bin Haji Awang(1990), *op.cit*, h.22.

pada peringkat awal berguru dengan guru-guru bermazhab Syafii. Daripada andaian-andaian di atas dapat disimpulkan bahawa kekuatan pengaruh mazhab Syafii di rantau ini berlandaskan kepada asas-asas yang teguh. Dalam konteks pengaruh Imam al-Nawawi: terhadap masyarakat Malaysia dalam bidang fiqah ia mempunyai kaitan yang rapat dengan pengaruh mazhab Syafii itu sendiri.

Pengaruh beliau dapat dilihat pada sambutan masyarakat Malaysia terhadap karya-karya tulisan beliau dalam bidang fiqah di peringkat masyarakat umum, institusi pengajian,institusi fatwa dan institusi perundangan.

Kitab-kitab fiqah karangan beliau menjadi teks utama di institusi-institusi pengajian pondok sejak dari awal penubuhan sistem tersebut hingga ke hari ini. Pada masa yang sama kitab-kitab tersebut menjadi rujukan di sekolah-sekolah agama, institusi-institusi pengajian tinggi, institusi fatwa dan institusi perundangan. Antara kitab-kitab beliau yang popular di institusi-institusi tersebut ialah *al-Minha;j*, *al-Majmu<sup>c</sup>* *Sharh al-Muhadhdhab* dan *al-Fata:wa:*. Di peringkat masyarakat umum pula sebahagian dari kitab-kitab tersebut dijadikan teks pengajian Fiqah di surau-surau atau masjid-masjid. Justeru sambutan yang baik terhadap kitab-kitab tersebut maka tidak ada perpustakaan di institusi-institusi berkenaan yang tidak memiliki.

### 3. Bidang Pendidikan dan Pendakwahan

Imam al-Nawawi: seorang ulama agung dan berkaliber dalam bidang pengajian Islam khususnya dalam bidang hadis, fiqah, pendidikan, bahasa Arab dan *al-tara:jum* merupakan ilmuan Islam yang mempunyai keseimbangan di antara kesarjanaan dan kejernihan hati dengan sifat-sifat ketakwaan kepada Allah SWT. Beliau sering dikaitkan dengan keilmuan, keikhlasan dan kesungguhan dalam menghayati ajaran-

ajaran agama. Justeru itu beliau amat layak menerima gelaran sebagai pewaris nabi, ulama yang beramal dan guru yang mursyid. Pengaruh beliau dalam bidang dakwah dan pendidikan di Malaysia dapat dilihat pada pengaruh beliau dalam bidang hadis dan Fiqah sebagaimana perbincangan sebelum ini, demikian juga ia dapat dilihat dalam bidang tasawuf yang menekankan amalan-amalan hati. Karya-karya beliau dalam bidang hadis dan pendidikan banyak menyentuh tentang unsur-unsur tasawuf yang menekankan permasalahan akhlak dengan Allah SWT dan akhlak sesama manusia.

Selain dari itu, pengaruh beliau juga dapat dilihat pada sambutan masyarakat Malaysia terhadap pemikiran beliau dalam bidang pendidikan dan dakwah. Pemikiran beliau dalam bidang pendidikan dan dakwah tersirat di sebalik karya-karya tulisan beliau. Kezuhudan dan kewarakan beliau menjadikan karya-karya beliau diberkati dan diterima masyarakat. Di sini penulis cuba menjelaskan perkara tersebut berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kamarul Azmi b. Jasmi, pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Sains Malaysia , Skudai Johor bersama rakan-rakannya. Kajian tersebut bertajuk Pengaruh Pemikiran Imam al-Nawawi: Terhadap Guru-Guru Takmir di Negeri Johor. Hasil kajian menunjukkan guru-guru takmir di Negeri Johor bersetuju dengan pemikiran Imam al-Nawawi: dalam bidang pendidikan dan pendakwahan. Antara pemikiran tersebut ialah :

1. Kurikulum yang lengkap dan metodologi yang baik merupakan asas kejayaan pendidikan dan pendakwahan.
2. Penggunaan al-Quran dan hadis sebagai asas dalam kurikulum.
3. Hadis yang tidak terlalu daif boleh digunakan untuk motivasi.
4. Penekanan teknik motivasi dalam rangka usaha pembangunan rohani.
5. Teknik motivasi melebihi kecaman.
6. Teknik suruhan melebihi tegahan.

7. Pemilihan kata-kata yang mudah dan jelas dalam pengajaran dan pendakwahan.
8. Hubungan dengan tuhan atas pembagunan keseluruhan.

Berdasarkan kajian tersebut, didapati min keseluruhan pemikiran Imam al-Nawawi: mencapai 4.04. Ia menggambarkan segala pemikiran beliau diterima positif sebagai lambang pengaruhnya yang kuat dalam masyarakat.<sup>184</sup>

## **2.2 PENGENALAN KITAB RIYA:D AL-SA:LIHI:N**

### **2.2.1 Maksud *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan Kandungannya**

*Riya:d al-Sa:lihi:n* bermaksud taman orang-orang yang salih. Pemilihan nama tersebut amat sinonim dengan kandungan kitab tersebut yang merangkumi<sup>185</sup> perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan di dunia dan akhirat, adab-adab zahir dan batin, unsur-unsur galakan dan ancaman dan kategori golongan *al-sa:liki:n*. Pengajaran-pengajaran tersebut dipetik daripada hadis-hadis berkenaan zuhud, latihan diri, pendidikan akhlak, pembersihan hati dan rawatannya, penjagaan anggota badan dan pecegahan daripada kecacatannya dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tujuan *al-<sup>c</sup>a:rifi:n*.

Berdasarkan kandungan, dapat disimpulkan bahawa kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* merupakan kitab hadis yang menghimpunkan hadis-hadis berkaitan dengan *al-Raqqa:<sup>'iq</sup>*, zuhud dan *fada:<sup>'il</sup> al-'A<sup>c</sup>ma:l*.<sup>186</sup>

---

<sup>184</sup> Kamarul Azmi b. Jasmi et al.(2004), “Pengaruh Pemikiran al-Nawawi: dalam Metodologi Pendidikan dan pendakwahan terhadap guru-guru takmir di Negeri Johor” (Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Anjuran Universiti Utara Malaysia, bertempat di Asania Resort Langkawi, 25-27 September 2004).

<sup>185</sup> Yu:suf bin 'Isma:<sup>c</sup>i:l al-Nabbaha:ni: (1999), *Mukhtasar Riya:d al-Sa:lihi:n*, tahkik dan ulasan oleh Mahmu:d al-'Arna:<sup>'u:t</sup> dan Muhammad 'Isma:<sup>c</sup>i:l Marwat, Takdim Sheikh <sup>c</sup>Abd al-Qa:dir dan al-'Arna:<sup>'u:t</sup>, c1. Beirut : Mu'assasat Rayya:n, Damsyik : 'Iqra', h.26.

<sup>186</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.281.

## **2.2.2 Masa dan Tempat Penulisan**

Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* selesai disusun pada hari Isnin tanggal 4 Ramadan tahun 670H,<sup>187</sup> enam tahun sebelum Imam al-Nawawi: meninggal dunia. Berdasarkan kepada tarikh selesai penyusunan, dapat disimpulkan bahawa kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ditulis di *Da:r al-Hadi:th al-'Ashrafiyyat* Damsyik, semasa beliau bertugas sebagai guru di institusi tersebut. Selain dari itu, ia juga menunjukkan kitab ini ditulis pada masa Imam al-Nawawi: telah mencapai kematangan dari sudut usia, keilmuan dan keperibadian, bahkan pada waktu itu Imam al-Nawawi: telah menggapai puncak kecemerlangan dan kegemilangan.

## **2.2.3 Sebab dan Tujuan Penulisan**

Berdasarkan kepada mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dapat disimpulkan bahawa antara sebab penulisan kitab ini ialah keinginan Imam al-Nawawi: untuk menyumbang ke arah kebaikan dan ketakwaan melalui nasihat dan bimbingan dengan harapan untuk mencapai ganjaran setimpal orang yang melakukannya, sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.<sup>188</sup> Tekad dan keazaman beliau menggambarkan keikhlasan dan keperihatinan beliau dalam memberi nasihat kepada kaum muslimin.<sup>189</sup>

Selain dari itu, kecenderungan beliau menghimpun hadis-hadis berkaitan dengan *al-raqa:'iq*, *zuhud* dan *fada:'il al-'A'ma:l* membayangkan kecenderungan beliau dalam masalah tasawuf dan pendidikan ruhani di samping ilmu-ilmu yang lain. Kecenderungan beliau dalam menyebarkan sifat-sifat terpuji dan menghindarkan daripada sifat-sifat *madhu:māt* mencerminkan keperibadian beliau yang merupakan seorang intelektual yang mantap dari segi kesarjanaan dan spiritual. Kelahiran kitab

<sup>187</sup> Muhyi: al-Dīn 'Abū Zakariyyā: Yahya: al-Nawawi: (1969), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Ridwā:n Muhammad Ridwā:n. Beirut : Dar al-'Irshā:d Li al-Tibā: c̄at Wa al-Nashr Wa al-Tawzī: c̄. h. 469.

<sup>188</sup> Al-Haddā:d.(1992), *op.cit*, h. 281.

<sup>189</sup> al-Sakha:wi: (1935), *op.cit*, h. 96.

*Riya:d al-Sa:lihi:n* boleh dikatakan sebagai salah satu usaha Imam al-Nawawi: memperturunkan ilmu berkaitan pendidikan rohani daripada hadis Rasulullah s.a.w kepada umat Islam seluruhnya.

Justeru itu, terdapat kajian yang cuba mencungkil rahsia metodologi pendidikan rohani yang dikemukakan oleh beliau, antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Kamarul Azmi b. Jasmi berjudul Pengaruh Pemikiran al-Nawawi dalam Metodologi Pendidikan dan pendakwahan terhadap guru-guru takmir di Negeri Johor. Hasil kajian tersebut dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Anjuran Universiti Utara Malaysia. Dalam kajian tersebut pengkaji menyatakan bahawa salah satu ciri keistimewaan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah pendedahan tentang metodologi pendidikan pembangunan insan yang mantap. Antara metodologi tersebut ialah :

1. Penggunaan al-Quran sebagai asas penghujahan.
2. Penggunaan Sunah sebagai penghujahan kedua.
3. Penggunaan kata-kata dan hadis yang jelas maksudnya.
4. Penggunaan galakan melebihi kecaman.
5. Penggunaan arahan berbentuk suruhan lebih daripada tegahan.
6. Penggunaan teknik bercerita dalam penerapan pendidikan.
7. Penggunaan teknik metafora untuk memudahkan kefahaman.
8. Penggunaan teknik '*Uswat Hasanat*'.
9. Penggunaan teknik pembentukan agen penyebar pengetahuan.

Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa pemikiran Imam al-Nawawi: tentang metodologi pendidikan pembangunan insan adalah lengkap dan menyeluruh.<sup>190</sup>

---

<sup>190</sup> Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), *op.cit*, h.1-15.

Hasil kajian ini boleh dianggap sebagai intipati rahsia kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan hasrat pengarangnya, Imam al-Nawawi:.

#### **2.2.4 Ciri-ciri Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n***

Antara ciri-ciri kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah :

1. Kitab tersebut mempunyai nilai ilmiah yang amat halus. Selain dari itu, perbincangannya menyeluruh dan mendalam. Ia melambangkan kesarjanaan dan keilmuan penulis.
2. Ia juga mengandungi nilai kerohanian yang tinggi yang dapat menguasai hati orang-orang beriman. Ia mampu menjinakkan hati dan menenangkan jiwa. Ini menunjukkan keihlasan, kejernihan jiwa, ketelusan niat dan kesungguhan Imam al-Nawawi: untuk memberi manfaat kepada para pembaca dan para penuntut ilmu.
3. Kitab ini juga cuba mencapai manfaat yang banyak, menjelaskan pandangan yang bernalas atau pandangan yang betul pada satu-satu topik. Ia menunjukan penulis seorang yang mempunyai semangat keislaman yang hebat dan wawasan yang jelas.<sup>191</sup>

#### **2.2.5 Metodologi Imam al-Nawawi: dalam Penulisan Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n***

Dalam penulisan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Imam al-Nawawi: memilih 2000 hadis<sup>192</sup> daripada kitab-kitab hadis yang terdiri daripada hadis-hadis sahih.<sup>193</sup> Pemilihan tersebut dibuat dengan penuh keberkatan kerana hadis-hadis tersebut dianggap sebagai teras

---

<sup>191</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. .

<sup>192</sup> Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza tentang bilangan hadis dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Antaranya ialah :

1. Dr. Wahbat al-Zuhayli: : 2000 hadis sebagaimana di atas.
2. Sheikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni: : 1905 hadis. Bilangan ini dinyatakan dalam mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* suntingan beliau. Dalam meletakkan number hadis, beliau mengambil kira hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sahaba yang bukan dari kalangan mereka yang diterima hadis oleh Imam al-Nawawi:. Metodologi ini berbeza daripada metodologi ulama-ulama lain. Hal ini menjadikan bilangan hadis pada kitab suntingan beliau berbeza dari yang lain.
3. Sheikh Shu'ayb al-'Arna:'u:t : 1896 hadis. Bilangan ini dinyatakan dalam mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* suntingan beliau.

<sup>193</sup> Kenyataan ini berdasarkan kenyataan Imam al-Nawawi: dalam mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

kepada pendidikan Islam, asas yang teguh dalam pembentukan akhlak muslim dan mengarahkannya kepada kebaikan diri, umat dan agama.<sup>194</sup>

Dalam penyusunan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Imam al-Nawawi: telah meletakkan 83 bab sebagai permulaan tanpa meletakkan kitab sebagai induk.<sup>195</sup> Berikutnya beliau telah meletakkan 19 kitab mengiringi bab-bab tersebut sebagaimana berikut :

1. Kitab Berkaitan Adab
2. Kitab Berkaitan Adab Makan
3. Kitab Berkaitan Pakaian
4. Kitab Berkaitan Adab tidur
5. Kitab Berkaitan Memberi Salam
6. Kitab Berkaitan Menziarahi orang sakit
7. Kitab Berkaitan Mengiringi Jenazah
8. Kitab Berkaitan Fadilat
9. Kitab Berkaitan Iktikaf
10. Kitab Berkaitan Haji
11. Kitab Berkaitan Jihad
12. Kitab Berkaitan Ilmu
13. Kitab Berkaitan Memuji Allah dan Bershukur
14. Kitab Berkaitan Selawat ke atas Nabi s.a.w
15. Kitab Berkaitan Zikir
16. Kitab Berkaitan Doa
17. Kitab Berkaitan Perkara-perkara yang Dilarang
18. Kitab Berkaitan *al-Manthu:rat Wa al-Malah*

---

<sup>194</sup> *Ibid*, h. .

<sup>195</sup> Terdapat penyunting kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* meletakkan nama kitab bagi bab-bab ini dengan nama kitab *al-Muqaddima:t*. Lihat *Riya:d al-Sa:lihi:n* (atas talian) <http://www.al-eman.com/Islamlib>

Kitab-kitab ini mempunyai beberapa bab, lapan daripadanya tidak mempunyai bab.<sup>196</sup> Selain dari itu, beliau mengenangkan pada setiap bab isi kandungannya, kepentingan dan kelebihan serta definisi-definisi penting. Di samping itu, beliau juga mengenangkan ayat-ayat al-Quran yang bersesuaian dengan tajuk dan berkaitan dengan bab secara langsung serta menepati tujuan dan matlamat. Beliau juga memilih tajuk yang bersesuaian dengan bab. Kebanyakan tajuk-tajuk tersebut ringkas. Sebaliknya, terdapat juga tajuk-tajuk yang panjang yang menjelaskan kandungan bab dan kalimah dari segi syarak.<sup>197</sup> Dari aspek yang lain, beliau juga menjelaskan beberapa kalimah dan jumlah yang susah untuk difahami serta nama-nama individu dan tempat yang tidak diketahui mengiringi teks hadis.<sup>198</sup> Di samping itu, beliau menjelaskan perkara-perkara penting yang memerlukan penerangan sebagai pembuka bicara kepada bab yang berkenaan dan hadis yang akan dibincangkan sebagaimana pada Bab Taubat.<sup>199</sup>

Kebanyakan hadis dalam kitab ini dipetik daripada kitab *Sahi:h al-Bukha:ri:* dan *Sahi:h al-Muslim*. Imam al-Nawawi: menggunakan istilah *Muttafaq ‘alayh* bagi hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukha:ri: dan Imam al-Muslim dan lafaz *Sahi:h* atau *Hasan* bagi hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Turmudhi: atau imam-imam yang lain. Pembaca kitab ini hampir tidak mendapati hadis-hadis yang tidak sahih atau hasan. Ini menunjukkan keupayaan Imam al-Nawawi: dan kehalusan beliau dalam memilih hadis.<sup>200</sup>

<sup>196</sup> Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. .

<sup>197</sup> *Ibid*, h. .

<sup>198</sup> *Ibid*.

<sup>199</sup> Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h. 293.

<sup>200</sup> Al-Nawawi:(1999), *op.cit*, h. .

Dari segi perawi hadis, beliau hanya menyebut perawi dari kalangan sahabat sahaja.<sup>201</sup>

Beliau menjelaskan mana-mana hadis yang diriwayatkan daripada kitab-kitab hadis yang disebut hanya 1 lafaz sahaja sebagaimana pada hadis bilangan 2, 98 dan 196.<sup>202</sup>

Demikian juga beliau hanya mendatangkan ayat-ayat al-Quran pada sesetengah bab tanpa mendatangkan hadis sekiranya hadis berkenaan telah disebut sebelumnya sebagaimana pada Bab Renungan terhadap Kebesaran Makhluk Allah SWT. Memandangkan ikrab memainkan peranan penting dalam pemahaman makna hadis, beliau mengikrabkan mana-mana hadis yang memerlukannya sebagaimana pada hadis bilangan 145 dan 316.<sup>203</sup>

## 2.2.6 Metodologi Imam al-Nawawi: dalam Pengambilan Hadis

Imam al-Nawawi: meriwayatkan hadis dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* bersandarkan kepada sembilan buah kitab hadis yang utama sebagaimana jadual di bawah :<sup>204</sup>

**Jadual 2.1 : Sumber Hadis-hadis Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n***

Perawi	Riw Bukha:ri: dan Muslim	Riw Bukha:ri: Sahaja	Riw Muslim	Riw 'Abu: Da:wud	Riw Turmudhi:	Riw Nasa:'i:	Riw Hakim	Riw Imam Ma:lik	Riw Imam lain
Jumlah	774	212	511	214	274	14	10	3	7

Daripada jumlah hadis keseluruhan (1896 hadis) yang terdapat dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* didapati 85.6% daripadanya merupakan Hadis Sahih, 5.7% Hadis Hasan Sahih, 7.7% Hadis Hasan dan 0.9% Hadis Daif.<sup>205</sup> Bagaimanapun di sana terdapat percanggahan pendapat di antara Imam al-Nawawi: dan ulama lain berhubung perakuan

<sup>201</sup> Al-Nawawi:(1999), *op.cit*, h. .

<sup>202</sup> Bilangan ini berdasarkan susunan Sheikh Shu'ayb al-'Arabi:u:t. Penulis dapati bilangan tersebut di atas menyamai bilangan yang disusun oleh Dr. 'Ali: 'Abd al-Hamid 'Abu: al-Khayr. Lihat al-Nawawi: (1999), *Ibid*. Lihat susunan nombor hadis.

<sup>203</sup> Al-Haddad.(1992), *op.cit*, h. 294.

<sup>204</sup> Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), *op.cit*, h. 4.

<sup>205</sup> Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), *op.cit*, h.4.

beliau. Beliau meriwayatkan segala hadis dalam kitab tersebut bersandarkan kepada tujuh martabat Hadis Sahih. Imam al-Nawawi: menegaskan bahawa secara umumnya hadis-hadis di dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai Sahih dan sebahagian kecil pula ialah hadis Hasan Sahih dan hadis Hasan. Namun begitu panduan penentuan Hadis Sahih ini kadangkala tidak dipersetujui oleh ulama yang lain seperti, 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh, pentahkik kitab tersebut. Berdasarkan senarai beliau terdapat 17 petikan Hadis Daif dalam kitab ini.<sup>206</sup>

Merujuk kepada kenyataan Imam al-Nawawi: bahawa beliau hanya memilih hadis-hadis Sahi:h, al-Syeikh al-'Alba:ni: berpendapat bahawa kenyataan itu bersifat umum dan yang dimaksudkan dengan Sahih ialah hadis-hadis yang kuat, merangkumi Hadis Hasan dan yang lebih tinggi darjatnya daripada Hasan. Istilah ini merupakan istilah yang digunakan oleh para ulama hadis sebelum Imam al-Tirmidhi:. Beliau mempopularkan pembahagian Hadis Makbul kepada Sahih dan Hasan sebagaimana gurunya Imam al-Bukha:ri:<sup>207</sup>

Dalam permasalahan ini, al-<sup>c</sup>Alla:mat<sup>t</sup> 'Ibn al-<sup>c</sup>Alla:n berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan Hadis Sahih ialah Hadis Makbul. Ia merangkumi hadis Hasan, *Hasan Li Ghayrih* dan Hadis Daif yang boleh diterima (pada perkara-perkara berkaitan *fada:'il al-'A<sup>c</sup>ma:l*).<sup>208</sup>

---

<sup>206</sup> *Ibid*, h.4.

<sup>207</sup> Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi:(1984), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Syeikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni:, c. 2. Beirut : al-Maktab al-'Isla:mi:, h. 5-6.

<sup>208</sup> Al-Sa:diqi: Muhammad bin <sup>c</sup>Alla:n (t.t), j.1, *op.cit*, h. 22.

Selain dari itu, Syeikh al-'Arna:'u:t menyatakan bahawa kewujudan hadis-hadis daif yang amat sedikit dalam kitab ini(46 hadis) tidak menjaskan nilai dan keagungannya yang mempunyai 1848 Hadis Sahih.<sup>209</sup>

Oleh yang demikian, hadis-hadis daif dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* tidak terkeluar daripada kumpulan hadis-hadis yang diterima pakai. Sekiranya terdapat hadis-hadis daif yang terkeluar daripada kumpulan tersebut, maka ia amat sedikit berbanding hadis-hadis Hasan dan Sahih. Justeru itu, penghujahan berasaskan kepada umum dan majoriti.<sup>210</sup>

### **2.2.7 Sambutan Ulama Terhadap Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n***

Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* telah mendapat sambutan hangat daripada para ulama seantero dunia. Ulama terawal memberikan perhatian terhadap kitab ini ialah Allamah Syeikh Muhammad 'Ibn al-'Alla:n al-Siddi:qi: (m.1057H). Beliau telah mensyarahkan kitab ini secara terperinci merangkumi aspek ilmiah dan hadis dalam kitab yang dinamakan *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*. Kitab ini mempunyai 4 jilid yang tebal. Selepas daripada usaha beliau, terdapat ramai dari kalangan ulama memberi perhatian terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sehingga ke hari ini, sama ada mensyarahkan kitab tersebut atau mentahkikkannya atau meringkaskannya. Selain dari itu, terdapat juga ulama yang membuat kajian secara ilmiah tentang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan tidak kurang juga yang menterjemahkannya. Sambutan para ulama terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dapat dilihat secara terperinci dalam perbincangan di bawah ini.<sup>211</sup>

---

<sup>209</sup>Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (2000), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Syeikh Shu'ayb al-'Arna:'u:t, c. 2. Beirut : Mu'assasat al-Risa:lat, h.10.

<sup>210</sup> Al-Haddad.(1992), *op.cit*, h. 289.

<sup>211</sup> Al-Haddad.(1992), *op.cit*, h.296-300.

Antara ulama yang mensyarahkan kitab tersebut selepas Allamah Syeikh Muhammad 'Ibn al-'Alla:n al-Siddi:qi: ialah :

1. Dr. Subhi: al-Sa:lih. Beliau memfokuskan syarahan kalimah-kalimah yang *ghari:b* dengan bahasa yang mudah tanpa memberi perhatian kepada aspek-aspek yang lain. Kitab ini mempunyai 2 jilid, dinamakan *Minhal al-Wa:ridi:n*.
2. Dr. al-Husayni: 'Abd al-Maji:d Ha:shim dalam kitabnya *Sharh kita:b Riya:d al-Sa:lihi:n*. Beliau menekankan *ghari:b al-Hadi:th* dengan menjelaskan maksudnya dan menyebut pengajaran hadis berdasarkan metodologi pendidikan yang berkesan. Kitab ini mempunyai 2 jilid yang tebal.
3. Kumpulan ulama yang terdiri daripada Dr. Mustafa: Sayd al-Khan, Dr Mustafa: al-Bugha:, Ustaz Muhyi: al-Di:n Mistu:, Ustaz 'Ali: al-Sharbi:ji: dan Ustaz Muhammad 'Ami:n Lutfi:. Mereka menamakan kitab ini dengan *Nuzhat al-Muttaqi:n Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n*. Kitab ini mempunyai 2 jilid.

Manakala ulama yang mentahkik kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah ;

1. Syeikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni:. Beliau mentahkik, mentakhrij, menta'cliq dan meletakkan nombor hadis dengan penuh teliti berdasarkan metodologi ahli hadis. Dalam meletakkan nombor hadis, beliau mengambil kira hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sahabi yang bukan dari kalangan mereka yang diterima hadis oleh Imam al-Nawawi:, sebagaimana hadis-hadis bernombor 5, 100, 138, 140, 175, 286 dan 386. Metodologi ini berbeza dari metodologi ulama-ulama lain. Hal ini menjadikan bilangan hadis pada kitab suntingan beliau berbeza dari yang lain.
2. Syeikh Shu'ayb al-'Arna:'u:t. Beliau mentahkik, mentakhrij dan menta'cliq hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Dalam mentakhrij hadis, beliau hanya merujuk kepada kitab-kitab yang disandarkan oleh Imam al-Nawawi: dan beberapa kitab lain.

3. Syeikh Muhyi: al-Dīn al-Jarrah. Beliau mentahkik kitab *Riyāḍ al-Sa’līhiyyah*. Usaha beliau disemak oleh Syeikh Muhammad Ḥasan al-Sabūni.

Dalam usaha meringkaskan kitab *Riyāḍ al-Sa’līhiyyah* terdapat beberapa orang ulama yang terlibat, antaranya :

1. Al-Shaykh Yusuf al-Nabhaṇī. Beliau meringkaskan kitab tersebut kepada 24 bab secara teratur merangkumi 120 pelajaran. Kitab ini dinamakan kitab *Mukhtasar Riyāḍ al-Sa’līhiyyah*.
2. Ustaz Ḥasan al-Hāfiẓ Mirdād. Beliau menamakan kitab *mukhtasar* beliau dengan ‘Iḥāfah al-Muslimīyah Fi Tashīḥ ’Ikhtisār Riyāḍ al-Sa’līhiyyah. Antara kelebihan kitab ini ialah terdapat pentafsiran kepada ayat-ayat al-Quran dan syarahan ringkas kepada hadis.

Manakala ulama yang membuat kajian secara ilmiah berkenaan kitab *Riyāḍ al-Sa’līhiyyah* ialah Dr. Sa’lih Ahmad Rida: dalam kitabnya *Qutub Min Riyāḍ al-Sa’līhiyyah*. Beliau menjelaskan tajuk kitab tersebut dengan ungkapan *Dirāsat Tahliyyat Li ’Aḥādiṣ Mukhtaṣrat Min Kitāb Riyāḍ al-Sa’līhiyyah*. Antara metodologi kitab ini ialah ia memulakan perbincangan setiap hadis dengan mukadimah yang memudahkan penghayatan hadis tersebut, diikuti dengan teks hadis, pengenalan perawi hadis dari kalangan sahabat, penjelasan mufradat hadis yang merangkumi aspek ikrab dan balaghah. Seterusnya, beliau mensyarahkan hadis secara terperinci dan menjelaskan tempat wujudnya hadis serta mentakhrijkan hadis-hadis tersebut dengan baik sebagai *ha:mish*.

Di Malaysia, terdapat beberapa naskhah terjemahan dan kupasan kitab *Riyāḍ al-Sa’līhiyyah* ke dalam bahasa Melayu samada bahasa Malaysia atau Indonesia sebagaimana

perbincangan penulis dalam tajuk Pengaruh Imam al-Nawawi: terhadap masyarakat Malaysia sebelum ini.

### **2.3 Penutup**

Kedudukan Imam al-Nawawi: sebagai ilmuwan Islam agung tidak dapat disangkalkan lagi. Beliau mendapat sanjungan di kalangan sarjana Islam sezaman dengannya dan para sarjana Islam berikutnya hingga ke hari ini. Keagungannya dalam bidang keilmuan disokong oleh keperibadiannya yang mulia. Beliau telah meninggalkan karya penulisan yang banyak dan bernilai yang menjadi rujukan para ulama Islam sepanjang zaman, khususnya bagi pengikut mazhab Syafii. Antara karya beliau yang agung ialah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Ia merupakan kitab hadis yang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak dan adab. Berdasarkan kajian, ternyata kitab ini mendapat tempat yang istimewa di kalangan umat Islam dari masa ke semasa terutamanya di Malaysia.

Demikianlah perbincangan berkaitan latar belakang dan ketokohan Imam al-Nawawi (penulis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*) dalam bidang keilmuan dan kewibawaan kitab tersebut sebagai kitab hadis dan tasawuf yang menjadi teks kajian ini. Seterusnya dalam bab tiga, penulis akan membincangkan tentang landasan teori *Bala:ghat al-Hadi:th* dan *al-'Isti'a:rat*. Kedua-dua topik ini merupakan asas teori kepada kajian ini.